Analisis Bajet 2015 MS 2



Mangsa banjir kilat dibantu MS 6 & 26



Kelayakan Liga Super diburu MS 21



PERCUMA

buletin Mutiara

www.buletinmutiara.com




16 – 31 OKTOBER 2014

http:www.facebook.com/buletinmutiara
http:www.facebook.com/cmlimguaneng

Selamat Menyambut Deepavali



# Biasiswa elak abai pelajar terpilih - KM

Oleh: **AHMAD ADIL MUHAMAD & NORSHAHIDA YUSOFF**



NURAIN Mohdd. Nazir.

**BERTAM –** Kerajaan Negeri akan terus memberi keutamaan kebajikan pelajar terpilih supaya tidak ketinggalan dalam arus pendidikan nasional di Pulau Pinang.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata demikian semasa menyampaikan sumbangan Biasiswa Kecil negeri berjumlah RM1,309,680 kepada 1,758 murid terpilih.

“Di Pulau Pinang, kita mempunyai tadbir urus yang baik kerana rakyatnya... macam mana baiknya sesebuah Kerajaan Negeri adalah sebaik-baik rakyatnya.

"Oleh itu, suara mereka (pelajar) perlu didengar dan harus diambilkira dalam membangunkan negeri ini," ujarnya pada Majlis Penyampaian Sumbangan Biasiswa Kecil Peringkat Seberang Perai di Dewan Millenium di sini baru-baru ini.

Timbalan Ketua Menteri I, Datuk Mohd. Rashid Hasnon, Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy, Phee Boon Poh (Exco Kebajikan Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar), Datuk Abdul Malik Abul Kassim (Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna), Dr. Afif Bahardin (Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan) dan Chong Eng (Exco Belia & Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga & Komuniti) turut hadir pada majlis tersebut.

Hadir sama, Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Seri Farizan Darus, Saodah Nawawi (Pegawai Daerah Seberang Perai Utara) dan Amat Sazali Abu Hassan (wakil Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri).

Guan Eng dalam majlis berasingan turut menyampaikan sumbangan serupa peringkat pulau kepada 82 penerima dari sekolah sekitar serta 95 penerima lain dari 11 sekolah sekitar Daerah Barat Daya.

Pada majlis sama, enam graduan cemerlang peringkat institusi pengajian tinggi awam (IPTA) diraikan dengan pinjaman pendidikan ditukar kepada biasiswa serta masing-masing menerima ganjaran RM1,000.

Dalam pada itu, penerima, Nurain Mohdd. Nazir, 26, yang ditemui kemudian melahirkan rasa bersyukur kerana pinjaman pendidikan beliau telahpun ditukar menjadi biasiswa atas sebab kejayaannya mendapat kepujian kelas pertama peringkat Sarjana Bioteknologi dari Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor.

Beliau memberitahu, inisiatif tersebut serta insentif RM1,000 yang disumbangkan Kerajaan Negeri membakar semangat beliau untuk melanjutkan pengajian ke peringkat doktor falsafah (PhD) kelak.

"Saya rasa bersyukur kerana mula daripada pinjaman dan telah ditukarkan kepada biasiswa.

"Rasa cukup menghargai usaha Kerajaan Negeri, tak jangka dapat insentif daripada Kerajaan Negeri untuk mahasiswa dan mahasiswi," ujar Nurain sambil menyatakan hasrat untuk kembali berkhidmat ke negeri ini selepas tamat pengajian kelak.




KETUA Menteri mengucapkan tahniah kepada salah seorang penerima sambil diperhatikan Mohd. Rashid Hasnon (empat dari kanan) dan Abdul Malik Abul Kassim (empat dari kiri) pada Majlis Penyampaian Sumbangan Biasiswa Kecil Peringkat Pulau di sini baru-baru ini.



SEBAHAGIAN penerima yang ceria dan syukur dengan inisiatif Kerajaan Negeri.

# KM anggap Bajet 2015 'indah khabar dari rupa'




**PERAI** – Tawaran 10 peratus pinjaman tanpa faedah untuk mereka yang menyertai Skim Rumah Pertamaku sebagaimana diumumkan dalam Bajet 2015 baru-baru ini disifatkan bak 'indah khabar dari rupa' untuk rakyat terbanyak, termasuk di negeri ini.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng dalam kenyataannya berkata, tawaran itu secara logiknya sudah tentu sukar dinikmati memandangkan bank-bank masih mengamalkan syarat yang ketat ke atas pemohon pinjaman perumahan.

"Kalau pinjaman 90 peratus pun sangat sukar diluluskan oleh bank, bagaimana untuk mereka memohon 10 peratus pinjaman tanpa faedah ini (daripada Kerajaan Pusat)...peribahasa Melayu sebut ini 'indah khabar dari rupa'," tegasnya dalam satu sidang media selepas Majlis Pelancaran Cadangan Pengindahan Landskap Taman Kimsar di sini baru-baru ini.

Menurut Guan Eng, Bajet 2015 sepatutnya mengembalikan semula amalan Skim Tanggungan Faedah Pemaju (*Developer Interest Bearing Scheme*, DIBS) serta memperluaskan Syarikat Jaminan Kredit Perumahan (SJKP) supaya pembeli kali pertama mampu memiliki rumah mampu milik antara harga RM72,500 hingga RM400,000.

Tambah Guan Eng, Bajet 2015 sewajarnya turut memperkenalkan Skim Milikan Bersama (*Shared Ownership Scheme*, SOS) sebagaimana yang diperkenalkan oleh Kerajaan Negeri demi memudahkan pembeli kali pertama perumahan awam dan rumah mampu milik rakyat.

"Bank Negara perlu mengembalikan semula skim-skim ini untuk pembeli kali pertama bagi membolehkan rakyat memiliki rumah sendiri," tegas Guan Eng.

Difahamkan, DIBS dimansuhkan selepas diumumkan dalam Bajet 2014 oleh Kerajaan Pusat, serta turut disahkan dalam jawapan lisan menteri berwajib di Dewan Rakyat pada 16 Jun lepas.

Pinjaman SJKP yang diluluskan di seluruh negara pula untuk jaminan pinjaman rumah kos rendah (LC) dan kos sederhana rendah (LMC) adalah berjumlah RM180 juta sahaja, sungguhpun disyor RM3 bilion meliputi pembeli pertama untuk semua kategori perumahan.

Manakala, SOS pula adalah hartanah akan dimiliki secara bersama dengan kerajaan di mana pinjaman kerajaan akan diberi sehingga 30 peratus harga hartanah tanpa riba kepada golongan berpendapatan rendah.

Dengan pinjaman perumahan tanpa riba sebanyak 30 peratus daripada Kerajaan Negeri, pembeli rumah kos rendah hanya perlu meminjam 70 peratus nilai hartanah, sekaligus membolehkan lebih ramai layak mendapat kelulusan pinjaman bank.

Dalam perkembangan berkaitan, Guan Eng memberitahu Bajet 2015 seakan langsung tidak meletakkan Pulau Pinang dalam arus pembangunan nasional, melainkan mengulangi rancangan pemajuan projek keretapi berkembar dari Ipoh ke Padang Besar sedia ada, yang akan melalui kawasan Butterworth di negeri ini.

"Tiada apa-apa untuk diulas kerana Pulau Pinang tidak mendapat apa-apa," kata Guan Eng kepada wartawan.

Majlis Pelancaran Cadangan Pengindahan Lanksap Taman Kimsar yang dirasmikan oleh Guan Eng itu turut disertai Timbalan Ketua Menteri II merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Perai, Prof. Dr. P. Ramasamy, P. Kasthuriraani (Ahli Parlimen Batu Kawan), Jusni Ismail (Pegawai Daerah Seberang Perai Tengah), Datuk Maimunah Mohd. Sharif (Yang di-Pertua Majlis Perbandaran Seberang Perai, MPSP) dan Kapt. (B) Ir. Anuar Yahya (Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran Pulau Pinang).

Guan Eng dalam ucapannya memberitahu bahawa projek yang akan dijalankan secara berperingkat serta tertakluk pada penajaan tanggungjawab sosial korporat (CSR) tersebut dianggarkan menelan kos pembinaan sebanyak RM467,134.



**MAIMUNAH Mohd. Sharif (kiri sekali) memberi penjelasan berhubung cadangan pengindahan landskap Taman Kimsar kepada Ketua Menteri pada majlis pelancarannya di sini baru-baru ini.**

## PM mungkir janji beri BR1M RM1,200 - KM

**PERAI** – Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) tidak wajar dinaikkan dari RM650 kepada RM950 memandangkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak pada musim Pilihan Raya Umum Ke-13 (PRU13) lepas telahpun berjanji untuk menaikkan bantuan sumbangan tersebut kepada RM1,200.

Justeru, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng dalam ucapannya berkata, pembentangan Bajet 2015 di Dewan Rakyat baru-baru ini sekaligus menyerlahkan amalan Kerajaan Pusat memungkiri janji, serta mengkhianati harapan rakyat.

"Dia (Kerajaan Pusat) patut naik BR1M kepada RM1,200 seperti yang dia janjikan...ini (Bajet 2015) bukti dia sudah mungkir janji dan bohong rakyat Malaysia," ujarnya yang juga Ahli Parlimen Bagan pada Majlis Jamuan Makan Malam Analisis Bajet 2015 di sini baru-baru ini.

Timbalan Ketua Menteri II merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Perai, Prof. Dr. P. Ramasamy, Steven Sim Chee Keong (Ahli Parlimen Bukit Mertajam), P. Kasthuriraani (Ahli Parlimen Batu Kawan), Ng Wei Aik (Ahli Parlimen Tanjung), Tony Pua Kiam Wee (Ahli Parlimen Petaling Jaya Utara) dan Nga Kor Ming (Ahli Parlimen Taiping) turut hadir sebagai penganalisis pada majlis itu.

Majlis jamuan makan malam tersebut disertai lebih 1,500 hadirin terdiri daripada kalangan Ahli Parlimen, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN), anggota Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) dan sebagainya.

Terdahulu, Najib menjelang pilihan raya umum lepas berjanji untuk menaikkan BR1M kepada RM1,200 sekiranya terus diberi mandat oleh rakyat.

Bagaimanapun, Najib dalam satu kenyataan kepada Bernama pada 8 Februari lepas berdalih bahawa proses agihan BR1M dinaikkan dari semasa ke semasa dalam tempoh lima tahun sehingga mencapai RM1,200.

## Mengapa PM tak sebut status hutang RM36 bilion 1MDB

**PERAI** – Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng mempertikai mutu Bajet 2015 yang dikatakan langsung tidak menyebut mengenai status tanggungan hutang berskala besar lebih RM36 bilion oleh syarikat pelaburan negara, 1Malaysia Development Berhad (1MDB), yang disifatkan membebankan kewangan negara.

Menurut beliau, hutang berskala besar itu seakan tidak mampu lagi dilangsaikan oleh pentadbiran Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak, yang didakwa masih mengamalkan pembaziran pengurusan kewangan negara.

Justeru, tambah Guan Eng, beban kewangan itu akhirnya seakan telahpun dipindahkan kepada rakyat melalui kenaikkan harga runcit minyak baru-baru ini serta penguatkuasaan Cukai Jualan dan Perkhidmatan (GST) mulai tahun hadapan.

"Kalau 1MDB hampir RM38 bilion itu pentadbiran Najib boleh buat hutang, (bekas perdana menteri) Tun Dr. Mahathir (Mohammad) pun tak mampu bayar.

"Kamu ingat Datuk Seri Najib akan bayarkah, kamu ingat Tan Sri Muhyiddin Yassin (Timbalan Perdana Menteri) akan bayarkah...yang pasti (Datin Seri) Rosmah Mansor tak akan bayar.

"Siapa bayar...anda, saya dan semua kita rakyat Malaysia akan 'bayar' hutang 1MDB.

"Itulah sebabnya kita (Pakatan Rakyat) tanya, mengapa dalam Bajet 2015 tak sebut langsung 1MDB punya cerita," tegasnya dalam ucapannya pada Majlis Jamuan Makan Malam Analisis Bajet 2015 dekat Dewan Serbaguna Taman Chai Leng di sini baru-baru ini.

Hutang berskala besar RM36 bilion 1MDB mula menjadi perhatian apabila syarikat pelaburan negara berkenaan didedah terlibat dalam beberapa projek kontroversi serta dana simpanan di sebuah kepulauan Caribbean baru-baru ini.

Sumber berita *Singapore Business Times* dipetik melaporkan, penjadualan semula hutang menjadi tinggi pada kadar 2.5 peratus ke atas kos dana tahunan, selain, yuran pendahuluan berjumlah antara RM20 hingga RM30 juta.

Laporan sama berkata, ancaman sebenar keingkaran berwajib akan "mengganggu kumpulan perbankan utama Malaysia dan juga pengawal selia perbankan negara, Bank Negara."

## Jamuan Teh rai Hari Jadi Ke-76 TYT

**RAI...** Hampir 500 meraikan Hari Jadi Ke-76 Yang Dipertua Negeri Pulau Pinang, Tuan Yang Terutama (TYT), Tun Dr. Abdul Rahman Abbas, diiringi isteri, Toh Puan Seri Majimor Shariff dalam Majlis Jamuan Teh Peringkat Seberang Perai di Dewan Millenium dekat Bertam, Kepala Batas baru-baru ini.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng, Datuk Law Choo Kiang (Speaker Dewan Undangan Negeri, DUN) serta pemimpin Kerajaan Negeri lain turut hadir.

Pegawai Daerah Seberang Perai Tengah (SPT), Jusni Ismail dalam ucapannya merakamkan penghargaan atas kepemimpinan Abdul Rahman memakmurkan negeri ini serta mendoakan beliau senantiasa dicucuri rahmat.

Majlis keraian tersebut diserikan dengan persembahan kebudayaan kanak-kanak serta lagu tradisional.



ORANG ramai mengambil peluang beramah-mesra dengan Dr. Abdul Rahman Abbas (bersongkok) dan isteri (bertudung).



KETIBAAN Dr. Abdul Rahman Abbas (bersongkok) di Majlis Jamuan Teh Peringkat Seberang Perai Sempena Sambutan Hari Lahir Ke-76 beliau disambut barisan kepimpinan Kerajaan Negeri termasuk Ketua Menteri di sini baru-baru ini.

# Pengiktirafan MQA bukti PIDC bermutu - KM

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**



KETUA Menteri menyempurnakan majlis pecah tanah bagi bangunan baru PIDC sambil diperhatikan barisan kepemimpinan negeri serta barisan pentadbiran kolej swasta tersebut di sini baru-baru ini.

**BAGAN DALAM –** Kolej Pergigian Antarabangsa Pulau Pinang (PIDC) bukan sahaja diiktir n swasta pertama di dalam negara yang diberi akreditasi penuh lima tahun oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA), malah, yang pertama akan diberi kedudukan lima bintang oleh Kementerian Pendidikan di bawah program *My Quest*.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng dalam ucapannya merakamkan penghargaan kepada pihak pentadbir PIDC, di bawah pimpinan Pengarah Urusannya, Datuk Dr. S. Sharavanan atas pengiktirafan tersebut.

Kejayaan itu, katanya lagi, diharap akan turut menarik lebih ramai pelabur ke negeri ini kelak.

"Komitmen serta dedikasi pihak pengurusan serta kakitangan akademik dalam memastikan graduan dari institusi ini adalah mereka yang mempunyai standard tinggi.

"Pulau Pinang memang menjadi tempat yang menarik untuk pelabur yang boleh dipercayai seperti ini.

"Dengan keluasan lantai kira-kira 170,000 kaki persegi, premis baru itu akan menjadi mercu tanda baru dan pasti akan memberi manfaat kepada rakyat di kawasan Parlimen saya dari Bagan, " ujarnya di sini baru-baru ini.

Beliau berkata demikian semasa merasmikan Majlis Pecah Tanah dan Pembinaan Bangunan Baru PIDC yang dianggarkan menelan belanja kira-kira RM55 juta.

Timbalan Ketua Menteri II merangkap ADUN Perai, Prof. Dr. P. Ramasamy dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bagan Dalam, A. Thanasekharan turut hadir pada majlis tersebut.

Hadir sama, Ketua Pegawai Eksekutif PIDC, Datin Kamatchi Sharavanan, Prof. Dr. Sabarinathan (Dekan PIDC) dan beberapa pentadbir kolej swasta tersebut.

Guan Eng memberitahu, bangunan yang bakal dibina itu akan menyediakan 200 kerusi pergigian, sebuah jabatan dianogsis serta dewan bedah oral.

Itu, tambah beliau, tidak termasuk infrastruktur tambahan untuk bahagian pentadbiran, sebuah kompleks auditorium, bilik penyelidikan, makmal serta bilik kuliah.

Direkodkan, kira-kira 224 doktor muda yang graduan daripada PIDC kini mendapat pekerjaan dalam perkhidmatan awam dan sebahagian besar mereka turut mengendali klinik swasta selepas tamat tempoh perkhidmatan wajib berwajib.



ABDUL Malik Abul Kassim (dua dari kiri) dan Yeoh Soon Hin (kanan sekali) ketika mengadakan lawatan ke kediaman Zaki Anuar Mohamed Abbas di kediamannya di sini baru-baru ini.

## Kisah Zaki Anuar dapat perhatian ADUN

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**

**PAYA TERUBONG –** Kesusahan Zaki Anuar Mohamed Abbas, 17, sekeluarga sampai terpaksa hidup dalam rumah penuh gelita kerana tidak mampu lagi membayar bil elekrtik tertunggak mendapat perhatian dua wakil rakyat di sini baru-baru ini.

Dalam satu kunjungan ke rumah tersebut, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Maung merangkap Exco Hal Ehwal Agama Islam, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Abdul Malik Abul Kassim dan Yeoh Soon Hin (ADUN Paya Terubung) masing-masing menyatakan hasrat untuk melangsaikan bil tertunggak elektrik, serta sumbangan berwajib yang lain.

Difahamkan, Zaki Anuar terlibat dalam kemalangan jalan raya pada Mac lepas dan hingga kini masih terlantar di rumah sahaja, tanpa mengikuti jadual latihan fisioterapi dua kali seminggu di hospital terdekat kerana tiada sumber wang.

Ibunya, Fatimah Zulkifli, 40-an, berkata, rumah tempat berteduh beliau, Zaki dan seorang lagi anak, Fahimah, 10, mengharungi hidup saban malam dalam keadaan gelita apabila kerana mereka tidak mampu lagi melangsaikan bil elekrtik tertunggak.

Pada kepala Zaki Anuar masih ada tiub, manakala pada kakinya masih dipasang plat besi sehingga tahun depan.

"Selama ini, dia (Zaki) adalah ketua keluarga yang urus makan minum sekeluarga.

"Selepas apa yang menimpa dia, keadaan kami sekeluarga tidak lagi seperti dulu," ujar Fatimah kepada dua wakil rakyat berkenaan.

# Pasukan Karate-Do ungguli Majlis Anugerah Sukan Negeri 2013

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar: **SHUM JIAN WEI**

**GEORGE TOWN -** Pemain Badminton Kebangsaan, Datuk Lee Chong Wei sekali lagi dianugerahkan Anugerah Perdana Piala Tuan Yang Terutama (TYT) buat kali ke-empat pada Majlis Anugerah Sukan Negeri Pulau Pinang 2013 di sini baru-baru ini.

Exco Belia & Sukan, Pembangunan Wanita Keluarga dan Komuniti, Chong Eng berkata, 2013 merupakan tahun sungguh bermakna kepada Chong Wei kerana beliau berjaya mengatasi rekod lagenda badminton era Malaya, Wong Peng Soon dengan mengungguli sembilan kejuaraan kejohanan Terbuka Malaysia.

"Pemain nombor satu dunia selama 71 bulan ini disanjung tinggi oleh peminat badminton tanah air. Beliau telah muncul sebagai juara Terbuka Malaysia pada tahun 2004, 2005, 2006, 2008, 2009, 2010, 2011 dan 2012.

"Pada tahun 2013, beliau mencapai rekod kejuaraan ke-sembilan selain memenangi beberapa kejohanan *Super Series* di dalam dan luar negara," ujarnya pada Majlis Anugerah Sukan Pulau Pinang 2013 di sini baru-baru ini.

Turut hadir, Speaker Dewan Undangan Negeri (DUN), Datuk Law Choo Kiang, Pegawai Kewangan Negeri, Datuk Mokhtar Mohd. Jait dan Timbalan Pengerusi Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang (MSNPP), Datuk Ong Poh Eng.



**PASUKAN Karate-Do yang mengungguli Majlis Anugerah Sukan Negeri Pulau Pinang 2013 di sini baru-baru ini.**




**SEBAHAGIAN pemenang anugerah bergambar kenangan bersama-sama Chong Eng (berdiri, tengah) pada majlis berprestij berkenaan.**

Anugerah Perdana Piala TYT telah diperkenalkan sejak tahun 2004 sebagai penghargaan kepada atlet negeri yang berentap cemerlang di persada sukan negara dan antarabangsa.

Selain Chong Wei, Chong Eng yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Lalang turut memuji Ratu Skuasy Negara juga juara dunia sebanyak tujuh kali, Datuk Nicol Ann David yang menjadi saingan Chong Wei untuk anugerah berkenaan.

Berucap lanjut, beliau turut mengucapkan tahniah kepada para atlet kelahiran Pulau Pinang yang berentap cemerlang dan berjaya menyumbangkan tiga pingat Emas, Perak (4) dan Gangsa (7) kepada kontinjen negara daripada jumlah keseluruhan pungutan pingat iaitu lima Emas, Perak (14) dan Gangsa (14) pada kejohanan Sukan Asia Incheon, Korea Selatan yang berlangsung pada tempoh 19 September hingga 4 Oktober lalu.

"Angka ini menunjukkan sukan di negeri ini adalah selaras dengan matlamat Kerajaan Negeri dalam membentuk Pulau Pinang ke arah pencapaian bertaraf antarabangsa.

"Barisan atlet, jurulatih, bekas-bekas atlet, pemimpin, pentadbir dan pegawai disaran bersama-sama Kerajaan Negeri meningkatkan mutu sukan negeri di samping menyemarakkan kegemilangan serta sinar sukan di negeri ini," seru beliau.

Turut menerima pengiktirafan adalah Lim Chee Jin, atlet Karate-Do yang menerima anugerah Tokoh Pemimpin Sukan 2013; Jurulatih Terbaik (Lim Lee Lee, Karate-Do); Pasukan Wanita Terbaik (Karate-Do Wanita); Pasukan Lelaki Terbaik (Karate-Do Lelaki); Olahragawan (Chong Wei, Badminton); Olahragawati (Nicol, Skuasy); Olahragawan Harapan (Alwyn Tan Yean Yang, Renang) dan Olahragawati Harapan (G. Vanesa Raj, Skuasy). Tiada pemenang bagi Kategori Paralimpik.

# Manfaat biasiswa buru kecemerlangan SPM - Afif

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**SEBERANG JAYA –** Seramai 150 pelajar yang terpilih dari lima sekolah sekitar Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Bertam menerima sumbangan RM107,280 Biasiswa Kecil Negeri Pulau Pinang di sini baru-baru ini.

Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin dalam ucapannya berkata, semua penerima terpilih diharap memanfaatkan sebaik mungkin bantuan pendidikan tersebut demi memburu kecemerlangan dalam pelajaran masing-masing.

"Itu cabaran kepada kita (murid) kerana Kerajaan Negeri fokus mahu pelajar-pelajar di negeri ini dapat keputusan cemerlang," ujarnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya pada Majlis Sumbangan Biasiswa Kecil Negeri Peringkat KADUN Bertam di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Ahli Majlis bagi Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Abdul Jalil Che Ros di Auditorium Kompleks Ibu Pejabat MPSP Bandar Perda di sini.

Pegawai Penyelaras KADUN (PPK) Bertam, Asrol Sani Abd. Razak turut hadir pada majlis tersebut.

Difahamkan, seramai 22 pelajar dari Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Abdul Kadir menerima sumbangan biasiswa sebanyak RM16,560, diikuti, SMK Datuk Haji Ahmad Badawi (36, RM25,320), Sekolah Menengah Agama Daeratul Maarifil Wataniah (12, RM8,640), SMK Kepala Batas (35, RM24,600), dan SMK Gemilang (45, RM32,160).




**DR. Afif Bahardin (dua dari kiri) diiringi Asrol Sani Abd. Razak (kiri sekali) menyerahkan replika cek Biasiswa Kecil Negeri kepada wakil penerima pada majlis sumbangannya di sini baru-baru ini.**



# Kapten Bas Rapid Penang cedera ditikam terima lawatan KM

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar: **AHMAD ADIL MUHAMMAD**

**GEORGE TOWN –** Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng baru-baru ini mengambil inisiatif khas mengadakan lawatan terhadap Kapten Bas Rapid Penang Sdn. Bhd. (Rapid Penang) yang cedera parah pada paha kiri dipercayai ditikam seorang penumpang wanita di sini baru-baru ini

Bersempena lawatan tersebut, Guan Eng bagi pihak Kerajaan Negeri turut menyumbangkan RM1,000 kepada mangsa, Aisyamudin Yaacob, 27, yang dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU), Jabatan Anestisiologi dan Rawatan Rapi Hospital Pulau Pinang (HPP).

Sumbangan tersebut diterima abang mangsa, Mohd. Noor Asyrie Yaacob, 34.

Dalam lawatan tersebut, Guan Eng yang diiringi Ketua Pegawai Operasi Rapid Penang, Mejar (B) Mohd. Shukri Abd. Rahman dan Pengarah HPP, Datuk Dr. Yasmin Sulaiman meluangkan kira-kira 15 minit untuk bertanyakan khabar dan menyampaikan sumbangan berkenaan.

Guan Eng ketika ditemui berkata, beliau berharap supaya Aisyamudin pulih segera, sihat dan kembali bertugas seperti sedia kala.

“Saya juga telah berbincang dengan COO Rapid Penang dan mencadangkan supaya pihaknya dapat mempertingkatkan sistem keselamatan dalam bas bagi menjamin keselamatan pemandu dan juga penumpang-penumpang lain.

“Selain memasang CCTV (kamera litar tertutup) di dalam bas, Rapid Penang juga boleh mempertimbangkan pemasangan pengadang atau besi sekatan untuk melindungi pemandu seperti di Jepun dan beberapa buah negara Eropah,” katanya di sini baru-baru ini.

Dalam pada itu, Mohd. Noor Asyrie, 34 memberitahu, menurut doktor yang merawat adiknya, Aisyamudin sudah mula menunjukkan tanda-tanda pemulihan.



KETUA Menteri diiringi Mejar (B) Mohd. Shukri Abd. Rahman (kiri sekali) mengunjungi Aisyamudin Yaacob (terlantar) yang dijaga abangnya di HPP di sini baru-baru ini.

“Kami sekeluarga sangat bersyukur kerana doktor berjaya menyelamatkan kaki adik saya daripada dipotong akibat kecederaan tikaman itu.

“Alhamdulillah, dia sudah mula sedar walaupun masih pakai alat bantuan penafasan dan ada sedikit pergerakan pada mata dan tangannya apabila namanya dipanggil,” ujar beliau.

Dalam insiden 6 Oktober lalu, jam 6.55 pagi, Aisyamudin ditikam beberapa kali di paha kiri menggunakan sebilah pisau oleh seorang penumpang wanita di Jalan Paya Terubung, Relau di sini.

# Pengecualian faedah bank mampu kurang hutang isi rumah - KM

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**



**ABDUL Razak Mohd. Shariff.**

**BAGAN DALAM –** Pengecualian bayar balik faedah pinjaman peribadi bagi mereka yang berpendapatan isi rumah bulanan kurang daripada RM5,000 wajar dipertimbang Bank Negara Malaysia (BNM) demi mengurangkan risiko bankrap lebih ramai warganegara.

Menurut Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng, syor itu sekaligus mampu mengurangkan lagi rekod hutang isi rumah di negara ini.

Guan Eng yang juga Ahli Parlimen Bagan berkata, jumlah hutang isi rumah terus meningkat, sungguhpun dilaporkan dalam kadar perlahan sejak tahun 2010 lagi.

"Pengecualian bayar balik faedah *(interest)* sahaja, tetapi, dengan syarat jumlah pinjaman pokok mesti dibayar (kepada bank).

"Jika dikecualikan pembayaran faedah ini, saya percaya lebih banyak hutang boleh dikutip kerana rakyat yang tidak mampu hanya bayar balik (jumlah hutang) 'pokok' saja," jelasnya pada Majlis Penyampaian Sumbangan Deepavali Kepada 500 Penerima Terpilih di sini baru-baru ini.

Timbalan Ketua Menteri II merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Perai, Prof. Dr. P. Ramasamy dan Datuk Seri R. Arunasalam (Pengerusi Jawatankuasa Perkhidmatan Datuk Seri R.A.) turut berucap pada majlis tersebut.

Hadir sama, Exco Kebajikan & Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar merangkap ADUN Sungai Puyu, Phee Boon Poh, A. Thanasekharan (ADUN Bagan Dalam) dan Tan Sri Mohd. Yussof Latiff (Presiden Persatuan Melayu Pulau Pinang, PEMENANG).

Majlis sumbangan membabitkan pelbagai bangsa dan keturunan tersebut adalah anjuran bersama Jawatankuasa Perkhidmatan Datuk Seri R.A dan Pejabat Kebajikan Masyarakat Butterworth di sini.

Difahamkan, BNM dalam laporan tahunannya pernah mendedahkan hutang isi rumah bagi tahun 2009 meningkat kepada 76.6 peratus dan pernah dikatakan rekod kedua tertinggi di Asia, berbanding 63.9 peratus daripada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) tahun 2008.

Bagaimanapun, peningkatan jumlah hutang isi rumah sejak tahun 2010 pada kadar paling perlahan, iaitu sebanyak 9.9 peratus kepada RM904.3 bilion dan merangkumi 86.7 peratus daripada KDNK nominal pada akhir Jun 2014.

Daripada perangkaan itu, Laporan Ekonomi 2014/2015 yang dikeluarkan Kementerian Kewangan turut mendedahkan bahawa kadar hutang isi rumah menunjukkan penurunan daripada 11.5 peratus atau RM855.9 bilion yang dicatat pada akhir 2013.



SEORANG warga emas cacat penglihatan (bertudung) diiringi waris (paling kiri) menerima sumbangan daripada wakil penganjur pada Majlis Penyampaian Sumbangan Deepavali Kepada 500 Penerima Terpilih di sini baru-baru ini.

Laporan sama turut merumuskan hutang isi rumah termasuk pinjaman, terutama yang diberikan oleh sistem perbankan, institusi kewangan pembangunan, Bahagian Pinjaman Perumahan Perbendaharaan dan institusi kredit lain.

Sebelum itu, Guan Eng turut memuji inisiatif tahunan pasukan Arunasalam sejak 35 tahun lepas yang konsistan menganjurkan program sumbangan kepada golongan terpilih di negeri ini.

Penerima, Abdul Razak Mohd. Shariff, 56, yang ditemui kemudian merakamkan penghargaan kepada penganjur majlis sumbangan tersebut.

"Saya terima sumbangan kali kedua hari ini walaupun sumbangan ini diberikan sempena Deepavali... sekurang-kurangnya ini boleh tambah sara hidup bulanan," ujar Abdul Razak, penduduk Kampung Kubur dekat Bagan.

# "Kita sentiasa bersedia" - Exco Perumahan

Oleh: **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar: **MARK JAMES**



JAGDEEP Singh Deo menunjukkan surat yang dihantar beliau kepada Zainal Abidin berhubung pertemuan tertutup bagi membincangkan isu perumahan mampu milik dan beberapa perkara berbangkit pada sidang media di sini baru-baru ini.

**GEORGE TOWN –** Sebagai tindak balas dan bagi merungkai masalah berbangkit oleh Pengerusi Majlis Tindakan Persekutuan Negeri Pulau Pinang, Datuk Zainal Abidin berhubung Projek Perumahan Mampu Milik yang dilaksanakan agensi Pusat di negeri ini, Kerajaan Negeri telah bersetuju mengadakan satu pertemuan tertutup di antara kedua-dua pihak bagi membincangkan perkara berkaitan di sini.

Mengumumkan perkara tersebut, Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo berkata, permohonan beliau (Zainal) untuk bertemu dengan pihak Kerajaan Negeri telah dipertimbangkan secara positif memandangkan ianya berkaitan dengan kepentingan rakyat.

"Kita sentiasa bersedia untuk bertemu dengan beliau (Zainal).

"Satu perbincangan tertutup akan diadakan mengikut waktu dan ketetapan yang telah dipersetujui.

"Pertemuan tersebut bukan sahaja bagi membincangkan perkara-perkara dibangkitkan beliau berhubung kelewatan kelulusan projek-projek perumahan mampu milik, tetapi, dia (Zainal) perlu bersedia untuk menjawab pertanyaan kita berhubung beberapa perkara yang masih samar," ujarnya pada sidang media baru-baru ini di sini.

Sebagai rekod, sebelum ini, Zainal dalam suratnya kepada Kerajaan Negeri bertarikh 18 Ogos lalu memohon untuk disegerakan kelulusan terhadap projek perumahan mampu milik di bawah agensi Persekutuan iaitu Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA) dan JKP Sdn. Bhd..

Melalui surat tersebut, beliau menyatakan bahawa sejumlah 9,444 unit perumahan mampu milik dan komersial dirancang oleh kedua agensi tersebut masih belum mendapat kelulusan Kerajaan Negeri sehingga kini.

Berasaskan senarai diberikan, Kerajaan Negeri mendapati hanya 2,447 unit perumahan adalah jenis kos rendah, manakala, 6,546 kos sederhana dan baki 451 adalah jenis komersial.

Turut didapati harga jualan adalah tidak 100 peratus berpatutan apabila terdapat sebahagian daripada unitnya melepasi harga siling ditetapkan Kerajaan Negeri iaitu RM400,000 bagi bahagian pulau dan RM250,000 (Seberang Perai).

Justeru, tambah Jagdeep, selain membincangkan isu berbangkit dalam surat-surat yang dihantar, beliau mengingatkan bahawa soalan lebih penting perlu dijawab Zainal adalah berhubung isu Tabung Penyelenggaraan 1 Malaysia (TP1M) dan Perumahan Rakyat 1 Malaysia (PRIMA) sebagaimana dijanjikan di Pulau Pinang.

"Beliau (Zainal) perlu memaklumkan status pembekalan unit perumahan PRIMA seperti dijanjikan sebelum ini dan yang diumumkan dalam Bajet 2015.

"Kedua, kita ingin mengetahui status pengagihan dan kelulusan permohonan Tabung Penyelenggaraan 1 Malaysia(TP1M) dari projek-projek perumahan kos rendah dan kos sederhana rendah di Pulau Pinang," kata beliau.



YAP Soo Huey (tengah) sambil ditemani Lee Chun Kit (kanan sekali) menyampaikan sumbangan kepada Mohamad Fathi Shaik Abd Rahman Rafee (kiri sekali) di sini baru-baru ini.

# Warga emas mangsa banjir terima sumbangan

Teks & Gambar : **CHEAH JAY LOON**

**GEORGE TOWN –** Nasib warga emas yang menjadi mangsa banjir kilat membabitkan premis elektrik beliau berusia kira-kira 50 tahun memperoleh perhatian Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pulau Tikus, Yap Soo Huey dan Ahli Parlimen Bukit Bendera, Zairil Khir Johari baru-baru ini.

Beliau, Mohamad Fathi Shaik Abd. Rahman Rafee, 66, menerima sumbangan berupa wang tunai bernilai RM400 hasil sumbangan dua usahawan tempatan yang diserahkan melalui Ahli Parlimen Bukit Bendera.

Majlis penyampaian sumbangan disempurnakan Soo Huey di sini baru-baru ini.

Menurut Mohamad Fathi Shaik, beliau berasa bersyukur ekoran sumbangan usahawan-usahawan berkaitan.

"Disebabkan kedai saya terletak agak rendah daripada permukaan jalan, hujan yang berpanjangan mengakibatkan berlakunya banjir kilat.

"Kerugian yang dialami dalam kejadian 3 Oktober lalu adalah kira-kira RM1,000 dan banyak barang elektrik rosak dan perlu dibuang," ujarnya ketika ditemui di premisnya di sini baru-baru ini.

Tambahnya, beliau bagaimanapun tidak lagi akan meneruskan perniagaan tersebut.

Turut serta, Ahli Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP), Lee Chun Kit.



KEADAAN di dalam premis Mohamad Fathi Shaik Abd. Rahman Rafee dalam kejadian banjir kilat 3 Oktober lalu.

# Mangsa banjir kilat terima bantuan

**PRIHATIN...** Sumbangan dua usahawan, Datuk Vinod Sekhar dan Datuk Eric Chong kepada mangsa-mangsa banjir kilat dan banjir lumpur di Bagan Jermal, Tanjung Tokong di sini baru-baru ini sedikit-sebanyak meringankan beban mereka terlibat.

Ahli Parlimen Bukit Bendera, Zairil Khir Johari yang menyempurnakan majlis penyampaian sumbangan berkata, seramai 52 keluarga menerima sumbangan masing-masing bernilai RM400.

Turut serta, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pulau Tikus, Yap Soo Huey dan ADUN Kebun Bunga, Cheah Kah Peng.

Selain banjir kilat, terdapat rumah di kawasan Bagan Jermal turut ditimpa bencana tanah runtuh.

Dalam pada itu, Soo Huey memberitahu, sebahagian longkang-longkang di Bagan Jermal akan dinaiktaraf dalam tempoh terdekat oleh Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) dengan dana sebanyak RM1.5 juta.

"Peruntukan tersebut telah diluluskan sebelum berlakunya bencana alam ini," ujar beliau.



YAP Soo Huey (kiri sekali) ketika beramah-mesra dengan mangsa bencana pada majlis penyerahan sumbangan berkenaan di Masjid Bagan Jermal.



ZAIRIL Khir Johari (dua dari kanan) ketika menyampaikan sumbangan bantuan kepada mangsa banjir kilat di Bagan Jermal, Tanjung Tokong baru-baru ini.

# VSEP bantu lepasan SPM peroleh jaminan kerjaya

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar: **MARK JAMES**

**GEORGE TOWN –** *Penang Science Cluster* (PSC) baru-baru ini menandatangani perjanjian persefahaman (MoU) dengan Persatuan Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia (SAMENTA) serta *Fourier Technical Consultants* (FTC) dalam menyediakan program latihan dan pengajian vokasional, *Vocational Skills Employment Program* (VSEP) buat pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) di sini.

Dalam MoU berkenaan, PSC yang diwakili Ketua Pegawai Eksekutifnya, Ooi Peng Ee manakala SAMENTA diwakili Presidennya, Koay Chiew Guan dan FTC, Prinsipalnya, Pau Kew Chong.

Majlis menandatangani MoU tersebut ditandatangani di hadapan Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng serta dihadiri barisan Exco Kerajaan Negeri dan Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Seri Farizan Darus.

Guan Eng berkata, MoU itu bertujuan memberi peluang dan ruang untuk lepasan SPM menguasai kepakaran, kemahiran teknikal serta mengembangkan kerjaya pada masa hadapan.

Jelasnya, sejajar dengan visi Kerajaan Negeri dalam menjadikan Pulau Pinang sebagai sebuah bandar pintar bertaraf antarabangsa, program VSEP melalui kolaborasi PSC, SAMENTA dan FTC pastinya memberi penekanan terhadap aspek adaptif kemahiran teknikal yang boleh digunapakai dalam memenuhi visi tersebut.

"Pendekatan program latihan dan pengajian vokasional sebegini sebenarnya telah diamalkan di beberapa buah negara maju, misalnya di Jerman, Pulau Pinang melangkah setapak lagi dengan memperkenalkannya di sini.

"Saya berharap agar PSC, SAMENTA dan FTC dapat menarik lebih banyak lagi syarikat-syarikat lain untuk turut serta membangunkan pelan VSEP ini di masa hadapan," katanya pada sidang media sejurus selepas majlis menandatangani MoU berkenaan di sini baru-baru ini.



**KETUA Menteri dan barisan kepimpinan Kerajaan Negeri menyaksikan Majlis Bertukar-tukar dokumen MoU antara PSC, SAMENTA dan FTC dalam menyediakan VSEP kepada pelajar lepasan SPM di sini baru-baru ini.**

Dalam pada itu, Chiew Guan berkata, buat masa ini, pihaknya cuma menerima kemasukan pelajar lepasan SPM dari keluarga kurang berkemampuan.

"Kita berusaha untuk membantu anak-anak muda yang kurang berkemampuan dan tidak mampu membiayai pengajian ke peringkat lebih tinggi dengan memberi biasiswa dan juga elaun latihan vokasional.

"Melalui program VSEP ini, pelajar bukan sahaja belajar, tetapi juga mempraktikkan kemahiran yang diajar sehingga menjadi modal insan berkemahiran tinggi dalam bidang diminati," jelas beliau.

Maklumat lanjut berkaitan VSEP, layari laman sesawang PSC di *http://www.pscpen.com/* atau *Facebook* di *facebook.com/penangsciencecluster* atau emel, *admin@pscpen.com*.

## Peguam Negara sedia jumpa jika 4 kes mati dalam lokap selesai – TKM II

Oleh: **WATAWA NATAF ZULKIFLI**



**PROF. Dr. P. Ramasamy.**

**GEORGE TOWN –** Rentetan enam kes kematian tahanan dalam lokap yang berlaku di Pulau Pinang, Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy memaklumkan bahawa Peguam Negara, Tan Sri Abdul Gani Patail akhirnya bersetuju untuk mengadakan pertemuan dengan pihak Kerajaan Negeri bagi membincangkan hal tersebut.

Persetujuan itu dicapai setelah Ramasamy dan Ketua Menteri, Y.A.B Tuan Lim Guan Eng mengutus surat kepada beliau berhubung hal berkaitan pada Jun lalu.

"Pada 29 Ogos lalu, Abdul Ghani telah membalas surat diutuskan Kerajaan Negeri dan menyatakan persetujuan untuk mengadakan pertemuan terbabit dalam tempoh masa terdekat, namun belum dipastikan tarikh yang sesuai.

"Walau bagaimanapun, Abdul Ghani menyatakan kita (Kerajaan negeri) perlu menunggu sehingga empat kes kematian dalam lokap yang belum selesai, diselesaikan terlebih dahulu.

"Justeru, saya merayu kepada Ketua Polis Negeri, Datuk Wira Abdul Rahim Hanafi supaya memberi penjelasan dan menjalankan siasatan terperinci bagi memastikan perkara ini dapat diselesaikan dengan sempurna," ujarnya pada majlis sidang media di sini baru-baru ini.

Terbaru, pada 28 September lalu, Pulau Pinang mencatatkan satu lagi kes kematian dalam tahanan iaitu di lokap Balai Polis Kepala Batas, Seberang Perai Utara (SPU) di mana seorang tahanan dipercayai melompat dari tingkat satu dan mati di tempat kejadian selepas mengalami kecederaan parah di bahagian kepala.

Sebelum ini, terdapat enam kes sedemikian dilaporkan berlaku di lokap-lokap seluruh negeri ini pada tahun ini (sejak 10 Februari 2014). Satu kes lagi adalah membabitkan tahanan yang ditahan di lokap Bandar Perda sebelum dilaporkan meninggal dunia di Penjara Tapah pada 8 Mac 2014.

Mengulas lanjut, menurut Ramasamy, beliau bersama-sama pasukan '*task force*' membabitkan beberapa badan bukan kerajaan (NGO) seperti Suara Rakyat Malaysia (SUARAM) berhasrat melantik seorang pegawai sepenuh masa bagi membantu kes-kes seperti ini.

"Pegawai khas dilantik bakal membolehkan penumpuan sepenuhnya diberikan terhadap tugas ini termasuk menjalankan beberapa kajian lebih menyeluruh.

## Tubuh 1 JKKK, 1 Koperasi wajar dipertimbang - ADUN

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar: **ALISSALA THIAN**



**TEH Lai Heng (kiri sekali) meneliti produk yang dipamerkan salah seorang usahawan pada penganjuran Mini Karnival Koperasi dan Usahawan 2014 di sini baru-baru ini.**

**GEORGE TOWN –** Cadangan menubuhkan 1 JKKK, 1 Koperasi wajar dipertimbangkan semua pihak dalam usaha merungkai isu kos sara hidup yang kian meningkat kini.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Komtar, Teh Lai Heng berkata, walaupun isu kos sara hidup menjadi agenda Kerajaan Persekutuan, namun masih belum terlewat untuk Kerajaan Negeri memperkenalkan program-program atau skim-skim baharu yang menjadi perkara paling utama dalam membantu rakyat khususnya golongan berpendapatan rendah dan sederhana di Pulau Pinang.

"Sewajarnya JKKK (Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti) mengambil peluang untuk menjana pendapatan dengan berkecimpung dalam pengurusan koperasi dan tidak hanya tertumpu pada program-program kemasyarakatan sahaja," katanya ketika hadir merasmikan Mini Karnival Koperasi dan Usahawan 2014 di sini baru-baru ini.

Mini Karnival Koperasi dan Usahawan 2014 dianjurkan Pejabat Daerah dan Tanah, Daerah Timur Laut (DTL) di bawah MMK Pembangunan Masyarakat, Koperasi dan Perhubungan Masyarakat dengan kerjasama Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM), Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN)

Hadir sama, Pegawai Daerah DTL, Azizi Zakaria.

Mini karnival yang diadakan selama tiga hari itu berjaya menarik penyertaan 25 buah koperasi dan usahawan dari pelbagai latar belakang perniagaan.

Jelas Lai Heng, Kerajaan Negeri kini bertekad untuk membantu golongan berpendapatan rendah dan sederhana melalui penglibatan mereka dalam bidang keusahawanan.



"Budaya berkoperasi perlu diterapkan memandangkan ia merupakan salah satu sumber untuk menjana bukan sahaja pendapatan JKKK itu sendiri, tetapi juga KDNK (Keluaran Dalam Negara Kasar) negara keseluruhannya," katanya.

Malah, beliau menyifatkan lima teras strategik yang digariskan melalui Dasar Koperasi Negara 2011-2020 (DKN) mampu melonjakkan sumbangan koperasi dalam KDNK negara sekaligus meningkatkan taraf sosio-ekonomi anggota-anggota koperasi.

"Sekiranya cadangan menubuhkan 1 JKKK, 1 Koperasi dipersetujui, pastinya ia menuntut komitmen dan sokongan masyarakat umum khususnya dari segi pelaksanaan.

"Saya percaya dengan adanya inisiatif sebegini, koperasi pastinya boleh menjadi sebuah entiti usahawan yang mampu berdiri setaraf dan bersaing dengan sektor swasta dalam pasaran terbuka," ujar beliau.

**ANTARA produk yang dipamerkan.**

# BSK: PERKASAKAN PERINTAH NAFKAH



## BAHAGIAN SOKONGAN KELUARGA

### VISI

*"Berusaha menjadikan BSK sebagai sebuah organisasi sokongan keluarga yang unggul bagi membantu sistem pengukuhan kekeluargaan Islam ke arah pengwujudan masyarakat penyayang, penduduk berkualiti dan bangsa Malaysia yang progresif."*

### MISI

*"BSK komited untuk bertindak sebagai agensi utama dalam menjadikan Malaysia sebagai negara yang rakyatnya mengutamakan sistem kekeluargaan berlandaskan ajaran Islam, berperibadi mulia hasil daripada keluarga yang kukuh, berakhlak, sihat, berilmu dan harmoni"*

### OBJEKTIF

- ➔ *Memelihara kepentingan golongan yang berhak menerima nafkah melalui perintah mahkamah;*
- ➔ *Mengenalpasti dan menyelesaikan masalah pemiutang/penghutang kehakiman terutama yang melibatkan nafkah;*
- ➔ *Mengatasi masalah isu kelewatan dalam pengendalian kes-kes penguatkuasaan perintah nafkah ;dan*
- ➔ *Memelihara hak dan tanggungjawab pihak-pihak yang terbabit di dalam institusi kekeluargaan.*





## FUNGSI DAN PERANAN

i. Memberi nasihat perundangan Syariah kepada pihak-pihak secara khusus berkaitan tuntutan nafkah serta tatacara penguatkuasaan dan pelaksanaan penghakiman selepas suatu perintah dikeluarkan oleh Mahkamah Syariah;

ii. Melaksanakan tugas Peguam Syarie dan Bailif dalam pelaksanaan penghakiman dan penguatkuasaan perintah yang dibuat oleh Mahkamah Syariah berkaitan dengan nafkah bagi memastikan sesuatu perintah dapat dipatuhi dan dilaksanakan oleh semua pihak;

iii. Melaksanakan pengurusan pentadbiran berkaitan dengan penguatkuasaan dan pelaksanaan penghakiman Mahkamah Syariah antara Negeri-Negeri berjalan dengan lancar; dan

iv. Menguruskan bantuan kewangan sementara melalui tapisan kelayakan dan laporan khidmat nasihat untuk pertimbangan Jawatankuasa Akaun Amanah bagi membantu Pemiutang Penghakiman terutamanya isteri dan anak-anak.





## UNIT KHIDMAT NASIHAT DAN PERUNDANGAN

Unit Khidmat Nasihat dan Perundangan (UKNP) bertanggungjawab mengendalikan sesi khidmat nasihat kepada pelanggan BSK iaitu pengadu dalam kes tuntutan nafkah. Bagi pengadu yang telah memperoleh perintah nafkah daripada mana-mana Mahkamah Syariah di Malaysia, pegawai BSK di UKNP akan membuat semakan ke atas perintah tersebut sama ada ia telah dipatuhi oleh pihak suami atau bekas suami atau bapa kepada anak tersebut.

Selain mengambil maklumat daripada pihak pengadu berkenaan dengan status pelaksanaan perintah, UKNP juga akan mengeluarkan notis untuk memanggil bekas suami atau bapa kepada anak tersebut hadir ke unit ini bagi tujuan siasatan tentang pematuhan perintah nafkah seperti yang telah diputuskan oleh mahkamah. Jika didapati bekas suami atau bapa kepada anak tersebut telah gagal untuk mematuhi perintah yang telah dikeluarkan, pegawai BSK di unit ini akan menjalankan satu proses perbincangan yang dinamakan Mediasi.

Dalam proses Mediasi ini, pegawai BSK akan berusaha untuk mendapatkan persetujuan daripada kedua-dua pihak dalam pelaksanaan perintah nafkah yang telah pun diperintahkan oleh mahkamah. Sekiranya kedua-dua pihak ini mencapai persetujuan untuk memenuhi tuntutan bagi melaksanakan perintah tersebut, maka perjanjian persetujuan tersebut akan ditandatangani oleh kedua-dua pihak dan seterusnya akan diendoskan di hadapan Hakim Syarie bagi tujuan pengesahan perjanjian persetujuan tersebut.

Sekiranya tiada persetujuan dicapai, UKNP akan menyalurkan kes ini kepada Unit Penguatkuasaan dan Pelaksanaan Perintah (UPPP). Sementara menunggu proses penguatkuasaan dan pelaksanaan perintah dijalankan, pegawai BSK akan mencadangkan kepada Unit Pengurusan Dana (UPD) agar pendahuluan nafkah sementara dibayar mengikut kadar nafkah yang telah diputuskan dalam perintah.

Jika bekas suami atau bapa tidak hadir pada sesi khidmat nasihat, UKNP akan menyalurkan kes tersebut kepada UPPP untuk proses penguatkuasaan dan pelaksanaan perintah dijalankan.

*Rujuk Carta Aliran Lampiran A*





## UNIT PENGUATKUASAAN DAN PELAKSANAAN PERINTAH

Unit Penguatkuasaan dan Pelaksanaan Perintah (UPPP) berperanan menjalankan tugas sebagai Peguam Syarie dalam mendapatkan perintah penguatkuasaan daripada Mahkamah Syariah dan juga bertindak sebagai Bailif yang menjalankan kaedah-kaedah penguatkuasaan dan melaksanakan perintah penguatkuasaan.

Proses untuk menguatkuasakan dan melaksanakan perintah nafkah yang dikendalikan oleh UPPP melibatkan 3 peringkat seperti berikut:-

### Peringkat Pertama : Pra Perbicaraan

1) UPPP menerima kes yang tidak berjaya diselesaikan di peringkat UKNP dan juga kes yang telah berjaya mendapatkan persetujuan pihak-pihak untuk diendoskan di hadapan Hakim.

2) UPPP akan menentukan jenis tindakan Penguatkuasaan dan Pelaksanaan Perintah dalam salah satu bentuk tindakan seperti berikut:-

   a) Notis Tunjuk Sebab / Komital – Notis tunjuk Sebab dikeluarkan kepada Penghutang Penghakiman untuk menunjukkan sebab kenapa beliau tidak patut dikomitkan ke penjara atas sebab tidak melaksanakan perintah mahkamah.

   b) Penyitaan Dan Penjualan- Permohonan untuk menyita dan menjual harta-harta milik Penghutang Penghakiman.

   c) Penyitaan Dan Penghantarserahan Harta Alih-Permohonan untuk menyita harta alih Penghutang Penghakiman dan menyerahkan kepada Pemiutang Penghakiman.

# Henti prejudis SJKC - KM

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**

**SUNGAI PUYU -** Kewujudan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) di negara ini sejak sebelum merdeka sebenarnya menyumbang pada perpaduan nasional dan tidaklah meretakkan hubungan antara kaum seperti didakwa Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Datuk Razali Ibrahim baru-baru ini.

Justeru, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng dalam ucapannya merayu Razali supaya membatalkan hasrat untuk menghentikan pembinaan SJKC yang baharu kelak serta melemparkan kenyataan prejudis kepada mana-mana kaum di negara ini.

"Ada sekolah aliran Cina telah wujud sejak sebelum Merdeka lagi dan kemudiannya diiktiraf sebagai sebahagian daripada sistem pendidikan persekolahan negara.

"Di SJKC pun sudah menjadi pilihan murid-murid Melayu dan India kerana mereka mahu menguasai lebih daripada empat bahasa.

"Tak kiralah apa jenis aliran persekolahan sekalipun, semuanya mengajar ilmu yang sebenar berdasarkan sistem pendidikan nasional dan tidak pernah mengajar murid-murid untuk saling prejudis atau perkauman melampau," ujarnya yang juga Ahli Parlimen Bagan pada Majlis Jamuan Amal Menyokong Dana Pembangunan SJKC di perkarangan Tokong Sum Thye Choo di sini baru-baru ini.

Exco Kerja Raya, Pengangkutan dan Utiliti merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bagan Jermal, Lim Hock Seng dan Phee Boon Poh (Exco Kebajikan & Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar merangkap ADUN Sungai Puyu) turut hadir pada majlis interaksi komuniti tersebut.

Guan Eng yang juga Exco Hal Ehwal Tanah & Pembangunan Tanah, Penerangan, Kebudayaan & Kesenian, Warisan dan Hal Ehwal Bukan Islam turut memuji inisiatif komuniti tokong berkenaan mengadakan majlis jamuan amal saban tahun untuk mencari dana sokongan kepada SJKC terpilih di negeri ini.

"Kerajaan Pusat sepatutnya mempunyai semangat nasional seperti ditunjukkan komuniti tokong dengan menyalurkan sumbangan kepada sekolah, tak kiralah sekolah aliran Cina atau Tamil atau Mubaligh atau Sekolah Agama Rakyat (SAR) sendiri," ujar Guan Eng.

Difahamkan, Kerajaan Negeri melalui Bajet 2014 umpamanya mengumumkan peruntukan tetap kira-kira RM12 juta kepada semua sekolah bantuan modal berwajib di negeri ini.

Terdahulu, Razali dalam satu kenyataan pada 4 Ogos lepas dilaporkan berkata, sudah tiba masanya perkara itu dipertimbangkan memandangkan keharmonian antara kaum ketika ini semakin renggang dengan pelbagai isu.

Menurut beliau, perpaduan kaum perlu dipupuk sejak peringkat sekolah rendah lagi dalam iklim 'Sekolah Wawasan' berkonsepkan pembelajaran tanpa mengira kaum atau agama.

## RALAT PENGARANG :

**ADALAH** dengan segala hormatnya merujuk kepada artikel bertajuk, 'PWM kutip dana bantu beli van tambahan OKU' yang disiarkan di muka surat 9, edisi 1 – 15 Oktober 2014.

Jumlah dana yang diperlukan Eden Handicap adalah sebanyak RM1 juta dan bukannya RM100 juta sebagaimana dinyatakan.

Sidang pengarang dalam pada itu amat menyesali kesilapan berkenaan dan segala kesulitan adalah amat dikesali.

Sekian, terima kasih.

# KENYATAAN AKHBAR SITUASI SEMASA KES DENGGI DI PULAU PINANG

## (Bagi tempoh Januari hingga 18 Oktober 2014)

**BAGI** negeri Pulau Pinang, bermula dari Januari hingga 18 Oktober 2014, sebanyak 1,821 kes denggi telah dilaporkan berbanding dengan hanya 684 kes bagi tempoh yang sama pada tahun 2013, iaitu peningkatan sebanyak 1,137 kes (166.23%). Manakala lima (5) kematian denggi dilaporkan tahun 2014 berbanding dengan empat (4) kematian bagi tempoh yang sama pada tahun 2013.

Pada ketika ini, terdapat 16 lokaliti wabak terkawal dilaporkan di Pulau Pinang iaitu di lokaliti Jalan Tavoy, Flat PPR Jalan Sungai, Jalan Gottlieb, Jalan Free School, Taman Seri Damai, Jalan Pinhorn, Mutiara Heights, Jalan Penawar 1 dan Mutiara Idaman di George Town daerah Timur Laut, Jalan Pantai Jerejak dan Solok Rajawali di daerah Barat Daya, Taman Mesra Jaya, Jalan Bagan Lalang dan Taman Mesra di daerah Seberang Perai Utara, Kampong Baru dan Taman Hwa Seng di daerah Seberang Perai Tengah. Satu lokaliti wabak tak terkawal dilaporkan iaitu di Kampung Perlis di daerah Seberang Perai Utara (rujuk Lampiran 1).

Saya ingin mengingatkan masyarakat supaya terus mengambil langkah pencegahan seperti berikut bagi menghentikan penularan penyakit denggi:-

i) Melakukan pemeriksaan dalam rumah dan kawasan sekitar masing-masing bagi mengenalpasti dan menghapuskan tempat-tempat pembiakan nyamuk Aedes setiap minggu. Ubat pembunuh jentik-jentik nyamuk boleh diperoleh daripada klinik-klinik kesihatan kerajaan.

ii) Menjalankan gotong-royong di kawasan perumahan bagi menghapuskan tempat-tempat berpotensi pembiakan Aedes.

iii) Memberikan kerjasama dengan membenarkan anggota kesihatan menjalankan semburan kabus di dalam rumah.

iv) Mengurangkan risiko gigitan nyamuk dengan menggunakan repellan atau baju/seluar panjang semasa menjalankan aktiviti luar, melakukan semburan aerosol di dalam rumah atau memasang skrin pada tingkap.

v) Mendapatkan rawatan segera di klinik atau hospital apabila mengalami demam dan tanda-tanda penyakit denggi seperti sakit badan/sendi, muntah, ruam dan kurang selera makan.

**Sekian, terima kasih**
**YB Dr. Afif bin Bahardin**
**Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang**

**LAMPIRAN 1**

**SENARAI LOKALITI WABAK AKTIF MENGIKUT DAERAH DI P.PINANG**

| Bil | Daerah/ Zon/PBT | Lokaliti | Jumlah Kes |
|---|---|---|---|
| 1 | Timur Laut | Jalan Tavoy, George Town | 3 |
| 2 | Timur Laut | Flat PPR, Jalan Sungai | 2 |
| 3 | Timur Laut | Jalan Gottlieb, George Town | 3 |
| 4 | Timur Laut | Jalan Free School, George Town | 2 |
| 5 | Timur Laut | Taman Seri Damai, George Town | 2 |
| 6 | Timur Laut | Jalan Pinhorn, George Town | 2 |
| 7 | Timur Laut | Mutiara Heights, George Town | 2 |
| 8 | Timur Laut | Jalan Penawar 1, George Town | 2 |
| 9 | Timur Laut | Mutiara Idaman, George Town | 2 |
| 10 | Barat Daya | Jalan Pantai Jerejak | 5 |
| 11 | Barat Daya | Solok Rajawali, Sungai Ara | 7 |
| 12 | Seberang | Perai Utara Kampung Perlis, Butterworth (wabak tak terkawal) | 8 |
| 13 | Seberang | Perai Utara Taman Mesra Jaya, Butterworth | 2 |
| 14 | Seberang | Perai Utara Jalan Bagan Lalang, Butterworth | 2 |
| 15 | Seberang | Perai Utara Taman Mesra, Butterworth | 3 |
| 16 | Seberang | Perai Tengah Kampung Baru, Bukit Mertajam | 6 |
| 17 | Seberang | Perai Tengah Taman Hwa Seng, Bukit Mertajam | 2 |


# IKLAN JAWATAN KOSONG MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI

**KENYATAAN TAWARAN TENDER**

**KOD TENDER : PSUKPP / TENDER / 11 / 2014**

Warganegara Malaysia yang berkelayakan adalah dipelawa untuk memohon bagi mengisi kekosongan jawatan di Majlis Perbandaran Seberang Perai seperti berikut :

| BIL | JAWATAN | GRED | TARAF | KEKOSONGAN |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Pegawai Undang-Undang | L52 | Tetap | 1 |

**TARIKH MULA PERMOHONAN**
Permohonan boleh dibuat bermula pada **20 Oktober 2014**

**TARIKH TUTUP PERMOHONAN**
Tarikh tutup permohonan adalah 2 minggu selepas iklan dikeluarkan.
Namun, pemohon boleh terus memohon jawatan selagi jawatan tersebut masih dipaparkan di laman e-jawatan MPSP.

**SYARAT LANTIKAN**
Syarat lantikan secara terperinci berserta dengan maklumat lanjut berkenaan dengan jawatan-jawatan yang diiklankan boleh diperolehi dengan melayari laman web e-jawatan Majlis Perbandaran Seberang Perai di ***"http://www.mpsp.gov.my" www.mpsp.gov.my.***

**CARA MEMOHON**
Permohonan hendaklah dibuat dengan melayari sistem e-jawatan Majlis Perbandaran Seberang Perai dan membuat permohonan secara atas talian (online) sahaja dengan mengisi maklumat yang diperlukan di ***www.mpsp.gov.my***.

**CATATAN AM**
Hanya calon-calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk temuduga.
Pemohon-pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas 6 bulan dari tarikh iklan ditutup hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.
(c) Pemohon-pemohon yang telah mendaftar di laman e-jawatan MPSP hendaklah mengemaskini semua maklumat permohonan sebelum memohon jawatan yang diiklankan.

Sebarang pertanyaan bolehlah menghubungi Bahagian Perjawatan di talian **04-5497 732/ 04-5497 431/ 04-5497 430** atau email ke ***perjawatan@mpsp.gov.my.***

Nota : Iklan ini juga disiarkan di dalam akhbar ***Sinar Harian, The Star, Kwong Wah Yit Poh*** dan Malaysian Nanban pada ***20 Oktober 2014***

# Hapuskan Sekolah vernakular: Bersediakah kita?

Oleh: **HARIS ZUAN**
**Ahli Majlis Majlis Perbandaran Pulau Pinang**

Serambi PENANG INSTITUTE making ideas work

**ISU** sistem pendidikan di negara ini sering-kali tengelam timbul dengan bersama angin ribut dan ombak politik kepartian di negara ini. Sering kali apabila gabungan politik UMNO-Barisan Nasional goyah, maka tuntutan berkenaan sekolah vernakular, bahasa ibunda dan hak politik mula kedengaran.

Anehnya, isu ini kembali ditimbulkan oleh Mohamad Azli Mohemed Saad, Timbalan Ketua UMNO Bahagian Petaling Jaya Utara yang mendakwa SKJC, sekolah berasaskan bahasa ibunda, merupakan punca perkauman di negara, sedangkan beliau terlupa bahawa beliau mewakili parti berasaskan perkauman yang jauh lebih merosakkan.

Tambah aneh lagi apabila Presiden UMNO yang juga Perdana Menteri Malaysia, Najib Razak berkata bahawa masyarakat negara ini tidak berhak untuk membuat tuntutan jika tidak menyokong Barisan Nasional. Nampaknya Perdana Menteri telah terkeliru antara kesetiaan terhadap negara dan parti politik.

Namun kenyataan bebal ini tidak terlalu aneh jika memperkirakan fakta bahawa sejak awal, Barisan Nasional tidak berminat untuk membincangkan sistem pendidikan negara ini dengan serius. Meskipun menyedari bahawa sistem pendidikan pelbagai aliran di negara ini merupakan penerusan kerangka 'colonial knowledge' – sistem pentadbiran kolonial yang mengkategorikan Melayu sebagai satu kaum homogen dan secara tidak tidak langsung membina dikotomi antara Melayu-Bumiputera dengan bukan-Melayu Bumiputera yang terus diamalkan sehingga kini dalam pentadbiran, akademik dan sosial – Barisan Nasional bukan sahaja tidak pernah berniat untuk menyemak dan membugar sistem ini, malah meneruskan serta memperalatkannya sebagai senjata politik. Barisan Nasional tidak ikhlas apabila membincangkan persoalan integrasi nasional melalui sistem pendidikan.

Kelangsungan sebahagian konstruksi etnik dan perkauman bukan sahaja di peringkat epistemologi, malahan berubah kepada bentuk tindakan yang diinstitusikan dan berakar dalam amalan rasmi, birokrasi dan pembentukan dasar awam seperti bancian, akta tanah, sijil kelahiran, kad pengenalan, serta termasuklah sistem pendidikan negara ini.

Aturan ini umumnya tidak terganggu dan dicabar selepas zaman kolonial dan membina satu pandangan kaedah mendefisikan kategori kaum dan etnik melalui tanda fizikal dan budaya.

Faham masyarakat majmuk di Malaysia ini masih terikat dengan amalan pecah perintah kolonial yang memisahkan ketiga-tiga kaum utama di negara ini. Tahap tertinggi persefahaman institusi politik di negara ini adalah pada tahap consociationalism semata-mata dan sering-kali digerakkan oleh elit politik dan pada masa sama mengukuhkan kedudukan politik mereka. Hal ini kerana isu pendidikan adalah isu yang mencakupi semua rakyat negara ini.

Maka tidak ada hasrat politik (political will) untuk membentuk satu sistem pendidikan yang seragam dan tunggal kerana sistem pendidikan vernakular yang ada kini merupakan tawar-menawar politik yang menguntungkan. Malah, cakap-cakap yang berbaur ugutan dan kecaman ini bukan baru dalam politik Malaysia. Umpamanya, isu 10% kuota bukan-Bumiputera dalam Maktab Rendah Sains MARA (MRSM) yang merupakan institusi pendidikan khas kepada orang Melayu dengan kelengkapan dan infrastruktur yang relatifnya jauh lebih baik daripada kebanyakkan Sekolah Kebanggsaan, sering dijadikan bahan tawar-menawar politik apabila timbul gesaan daripada parti komponen Barisan Nasional atau mana-mana pihak lain untuk memberi kedudukan yang baik kepada bukan-Bumiputera.

Demikian juga 17 tuntutan Jawatankuasa Rayuan Pilihan Raya Persatuan-Persatuan Cina Malaysia (Suqiu) yang dikemukakan sebelum Pilihan Raya Umum 1999 yang selain menuntut reformasi dalam dalam sistem perundangan, hak asasi, dan liberalisasi ekonomi, Suqiu turut mendesak agar lebih banyak peruntukan diberikan kepada Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina), termasuklah memansuhkan Sekolah Wawasan dan menambahkan guru bahasa Cina. Dr Mahathir yang berdepan dengan kemarahan orang Melayu ketika itu kerana pemecatan Anwar Ibrahim telah menggunakan kesempatan ini untuk dilihat sebagai pelindung hak orang Melayu dengan menyelar Suqiu sebagai tidak ubah seperti komunis. Jelas, isu pendidikan vernakular dijadikan sebagai tawar-menawar setiap kali berlaku gangguan terhadap keseimbangan permuafakatan politik dalam Barisan Nasional.



HARIS Zuan (empat dari kiri) berjabat tangan dengan Ketua Menteri pada majlis lantikan beliau sebagai Ahli Majlis MPPP baru-baru ini.

**Faham kebangsaan yang tidak terselesai**

Pada masa yang sama, sistem pendidikan Malaysia sukar untuk membentuk satu sistem pendidikan kebangsaan tunggal yang inklusif kerana faham kebangsaan di negara ini tidak terselesai dan sangat bermasalah. Bagi memahami kerumitan persoalan takrif kebangsaan ini, boleh dimulakan dengan melihat Dasar Kebudayaan Kebangsaan 1971 yang menjadi asas kepada pengenalan identiti kebangsaan Malaysia. Dasar ini mengariskan tiga teras utama kebudayaan kebangsaan;



HARIS Zuan.

1. Kebudayaan Rakyat Asal Rantau ini yang merangkumi kawasan Malaysia, Indonesia, Filipina, Singapura, Brunei, Thailand dan Kampuchea serta Kepulauan Selatan Pasifik (Polynesia, Melanesia dan Oceania sehingga Malagasi adalah merupakan bahagian utama dari kawasan tamadun atau budaya Melayu.
2. Unsur-unsur Kebudayaan Lain Yang Sesuai dan Wajar boleh diterima Kebudayaan sebagai sesuatu yang dinamik, sentiasa berubah-ubah melalui proses penyerapan dan penyesuaian secara berterusan.
3. Islam Menjadi Unsur Yang Penting Dalam Pembentukan Kebudayaan Kebangsaan Agama atau kepercayaan kepada Tuhan merupakan unsur penting dalam proses pembangunan negara serta pembentukan rakyat yang berakhlak dan berperibadi mulia.

Sumber: Dasar Kebudayaan Kebangsaan (1971)

Maka, selepas tahun 1971, perlahan-lahan Sekolah Kebangsaan mula mengambil elemen-elemen Islam untuk disesuai dan diinstitusikan dalam Sekolah Kebangsaan. Banyak semakan kokurikulum sistem pendidikan telah membolehkan budaya dan nilai Melayu serta agama Islam dijadikan teras kepada identiti Sekolah Kebangsaan. Pada peringkat Sekolah Menengah, mata pelajaran Agama Islam dijadikan mata pelajaran wajib kepada pelajar Muslim.

Demikian juga dalam aspek bahasa apabila bahasa Melayu diikat bersama dengan agama Islam sehingga bahasa Melayu yang seharusnya menjadi bahasa Kebangsaan rakyat Malaysia, sebahagiannya menjadi eksklusif kepada orang Melayu-Islam. Kes ini bukan sahaja merujuk kepada isu penggunaan nama Allah oleh bukan Islam dan terjemahan Bible dalam bahasa Melayu, tetapi juga larangan penggunaan beberapa istilah Arab yang 'diMelayukan' seperti haji, mufti, iman, fitrah. Larangan ini tentunya aneh apabila mengambil kira beberapa istilah agama yang digunapakai dalam bahasa Melayu berasal daripada bahasa Sanskrit, seperti syurga, neraka dan puasa. Malah istilah agama itu sendiri daripada bahasa Sanskrit.

Identiti Melayu dan kaitannya dengan Islam diperteguhkan lagi melalui Syarahan Perdana Syed Naquib Alatas *Islam dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu* di UKM pada tahun 1972. Menurut beliau, sebelum kedatangan Islam, meskipun masyarakat Melayu menganut ajaran Hindu, namun hanya diperingkat ritual dan kesenian semata-mata. Masyarakat Melayu tidak dapat menjangkau falsafah agama Hindu dan merangkum metafizik Hindu yang kompleks. Hanya selepas kedatangan Islam, masyarakat Melayu mula melibatkan diri dalam persoalan metafizik dan falsafah yang kompleks (Syed Naquib Alatas 1972:13).

Maka, faham kebangsaan negara ini sering ditakrifkan sebagai Melayu-Islam. Tambahan pula, konsep bangsa Malaysia yang ditawarkan oleh Dr Mahathir melalui Wawasan 2020 tidak dihuraikan oleh beliau. Pada masa yang sama, konsep alternatif yang ingin diajukan juga tidak pernah diberikan ruang untuk diwacanakan secara rasional, contohnya gagasan *Malaysian Malaysia* yang dibawa oleh DAP sering dimomok sebagai mencabar identiti kebangsaan sedia ada. Namun apakah identiti kebangsaan itu? Tidak juga pernah dinyatakan dengan tuntas.

Meskipun pada suatu ketika, sebelum adanya Dasar Kebudayaan Kebangsaan 1971, DAP melalui Lim Kit Siang cuba mengusulkan kebudayaan kebangsaan Malaysia yang berteraskan tiga kaum utama – Melayu, Cina dan India. Paling nyata adalah perdebatan antara Lim Kit Siang dengan pengasas Parti Gerakan, Syed Naquib Alatas berkenaan takrif persuratan Malaysia. Lim Kit Siang menyatakan bahawa persuratan Malaysia harus mencakupi penulisan dalam bahasa lain bahasa Melayu (umumnya bahasa Inggeris, Cina dan Tamil) oleh pengarang berbangsa Malaysia. Lim mempertegaskan bahawa kedudukan bahasa dan kebudayaan bukan Melayu juga harus ditempatkan sama tinggi dengan bahasa dan kebudayaan Melayu. Hal ini tidak dipersetujui oleh Syed Naquib yang berhujah bahawa semangat dan ideal sebuah bangsa tercermin pada persuratanya. Persuratan Malaysia yang tulen, ditulis dalam bahasa Melayu oleh pengarang yang tidak semestinya Melayu tetapi menyerap tradisi dan kebudayaan kepulauan Melayu.

Malangnya, perbahasan ini tidak disambut oleh lain-lain pihak baik dalam politik mahu pun akademik. Akhirnya polemik yang dicetuskan oleh Syed Naquib dan Lim kit Siang ini mati begitu sahaja. Sehingga kini, Malaysia tidak pernah menyelesaikan polemik identiti kebangsaan ini, baik di peringkat epistemologi, mahupun di peringkat perlaksanaan dasar negara.

Justeru, jika parti politik di Malaysia ini ikhlas mahu membentuk satu sistem pendidikan kebangsaan yang inklusif dan terhormat, maka langkah pertama selain daripada memperkasakan kualiti Sekolah Kebangsaan dan mengembalikan profesionalism guru-guru, mereka juga harus mula membincangkan dengan serius apakah model kebangsaan yang ingin digunapakai.

Bukan sahaja di peringkat silibus, malah di peringkat falsafah pendidikan kebangsaan itu sendiri. Tanpa iltizam ini, persoalan sekolah vernakular dan identiti kebangsaan hanya tinggal momok politik untuk mengugut lawan dan membuktikan siapa lebih jaguh – tidak akan pernah ikhlas untuk membina bangsa Malaysia.

Maka, apabila datang cadangan bersabit soal kebangsaan, seperti menghapuskan Sekolah Jenis Kebangsaan, soalan pertama yang harus ditanya; bersediakah kita?

| Nama ADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **AIR PUTIH**<br>YAB Tuan Lim Guan Eng<br>limguaneng@penang.gov.my | (T) 04 - 829 0614 |
| **PANTAI JEREJAK**<br>YB Haji Mohd. Rashid Hasnon<br>rashid.hasnon@penang.gov.my | (T) 04 - 646 4700 |
| **PERAI**<br>YB Prof. Dr. P. Ramasamy<br>ramasamy@penang.gov.my | (T) 04 - 399 6689 |
| **PADANG KOTA**<br>YB Chow Kon Yeow<br>chowkonyeow@penang.gov.my | (T) 04 - 226 0218<br>(F) 04 - 226 0218 |
| **BATU MAUNG**<br>YB Datuk Abdul Malik Abul Kassim<br>abdmalik@penang.gov.my | (T) 04 - 626 1968<br>(F) 04 - 626 5496 |
| **BAGAN JERMAL**<br>YB Lim Hock Seng<br>limhockseng@penang.gov.my | (T) 04 - 331 7175<br>(F) 04 - 331 7175 |
| **BATU LANCHANG**<br>YB Law Heng Kiang<br>lawhengkiang@penang.gov.my | (T) 04 - 282 6419<br>(F) 04 - 282 6419 |
| **SUNGAI PUYU**<br>YB Phee Boon Poh<br>pheeboonpoh@penang.gov.my;<br>pheeboonpoh@yahoo.com | (T) 04 - 262 0860<br>012 - 480 5495<br>(F) 04 - 261 8745 |
| **PADANG LALANG**<br>YB Chong Eng<br>chong.eng@penang.gov.my | (T) 04 - 530 3028 |
| **DATO' KERAMAT**<br>YB Jagdeep Singh DEO<br>jagdeepsinghdeo@penang.gov.my | (T) 04 - 226 2464<br>(F) 04 - 227 2464 |
| **SEBERANG JAYA**<br>YB Dr. Afif Bahardin | (T) 04 - 390 5109 |
| **BUKIT TAMBUN**<br>YB Law Choo Kiang<br>lawchookiang@penang.gov.my | (T) 04 - 588 0818<br>(F) 04 - 588 0885 |
| **AIR ITAM**<br>YB Wong Hon Wai<br>wonghonwai@penang.gov.my | (T) 04 - 828 0926<br>(F) 04 - 828 0926 |
| **BERAPIT**<br>YB Ong Kok Fooi<br>ongkokfooi@penang.gov.my | (T) 04 - 530 8476 |
| **MACHANG BUBOK**<br>YB Lee Khai Loon<br>kllee78@gmail.com | (T) 013 - 399 0519<br>(F) 04 - 551 1442 |
| **TANJONG BUNGAH**<br>YB Teh Yee Cheu<br>dappenang.cagw.teh@gmail.com | (T) 04 - 899 9581 |
| **JAWI**<br>YB Soon Lip Chee<br>dunjawi@hotmail.com | (T) 04 - 594 1163<br>(F) 04 - 594 3163 |
| **PENGKALAN KOTA**<br>YB Lau Keng Ee<br>dappengkalankota@gmail.com | (T) 04 - 250 1521<br>04 - 250 1522<br>(F) 04 - 250 1523 |
| **BAGAN DALAM**<br>YB Tanasekharan a/l Autheraphy<br>atana@first.net.my | (T) 04 - 323 5870<br>(F) 04 - 323 5870 |
| **KEBUN BUNGA**<br>YB Cheah Kah Peng<br>kebunbunga24@gmail.com | (T) 04 - 826 5451<br>(F) 04 - 826 5451 |
| **SUNGAI BAKAP**<br>YB Hj. Maktar Hj. Shapee<br>adunan.dunsgbakap@yahoo.com | (T) 04 - 582 7549<br>(F) 04 - 582 8648 |
| **KOMTAR**<br>YB Teh Lai Heng<br>komtarN28@gmail.com | (T) 04 - 227 7068<br>(F) 04 - 227 7068 |
| **PAYA TERUBONG**<br>YB Yeoh Soo Hin<br>clementyeoh@hotmail.com | (T) 04 - 827 8868 |
| **PULAU TIKUS**<br>YB Yap Soo Huey<br>yapsoohueydap@gmail.com | (T) 04 - 226 5217<br>(F) 04 - 227 5217 |
| **PERMATANG PASIR**<br>YB Datuk Hj. Mohd. Salleh Man<br>adunptgpasir@gmail.com | (T) 04 - 398 4226<br>(F) 04 - 398 4226 |
| **BUKIT TENGAH**<br>YB Ong Chin Wen<br>pkrbkttengah@gmail.com | (T) 04 - 508 3977<br>(F) 04 - 508 3677 |
| **PENANTI**<br>YB Dr. Norlela Ariffin<br>norlela.ariffin@gmail.com | (T) 04 - 538 2871<br>(F) 04 - 538 4871 |
| **SUNGAI PINANG**<br>YB Lim Siew Khim<br>dapsungaipinang@hotmail.com | (T) 04 - 282 6630 |
| **BATU UBAN**<br>YB Dr. T. Jayabalan<br>drjayabalan@gmail.com | (T) 04 - 656 2605<br>(F) 04 - 656 0699 |
| **SERI DELIMA**<br>YB Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji<br>rsnrayer@gmail.com | (T) 04 - 659 5611<br>(F) 04 - 659 6611 |
| **DAP PENANG HQ**<br>dappg@streamyx.com | (T) 04 - 228 8482<br>(F) 04 - 228 8514 |
| **PAS PENANG HQ** | (T) 04 - 575 5584 |
| **PKR PENANG HQ** | (T) 04 - 397 0115 |

| NAMA ADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **PENAGA**<br>YB Mohd. Zain Ahmad | (T) 04 - 351 5825 |
| **BERTAM**<br>YB Shariful Azhar Othman | (T) 012 - 411 4690<br>(F) 04 - 575 8670 |
| **PINANG TUNGGAL**<br>YB Datuk Haji Roslan Saidin | (T) 04 - 398 3555<br>(F) 04 - 397 3555 |
| **PERMATANG BERANGAN**<br>YB Omar Abd. Hamid | (T) 04-573 4630<br>(F) 04-573 4630 |
| **SUNGAI DUA**<br>YB Muhamad Yusoff Mohd. Noor | (T) 04 - 575 7454 |
| **TELOK AIR TAWAR**<br>YB Datuk Jahara Hamid<br>jahara.hamid@gmail.com | (T) 04 - 351 2873<br>(F) 04 - 351 4389 |
| **SUNGAI ACHEH**<br>YB Datuk Mahmud Zakaria<br>datomahmud@umpangroup.com.my | (T) 04 - 593 3100<br>(F) 04 - 593 9529 |
| **BAYAN LEPAS**<br>YB Nordin Ahmad | Sedang dikemaskini |
| **PULAU BETONG**<br>YB Muhamad Farid Saad | (T) 04 - 866 4202<br>(F) 04 - 866 4202 |
| **TELUK BAHANG**<br>YB Shah Haedan Ayoob | (T) 04 - 866 1760<br>(F) 04 - 866 1821 |

| PEGAWAI PENYELARAS KADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **PENAGA**<br>Ridwan Osman<br>ridwan_wan48@yahoo.com | 013-499 5068 |
| **BERTAM**<br>Asrol Sani Abdul Razak<br>asrolsani2006@gmail.com | 013-580 6981 |
| **PINANG TUNGGAL**<br>Muhasdey Muhamad<br>hadiputra78@yahoo.com | 019-437 2887 |
| **PERMATANG BERANGAN**<br>Arshad Md. Salleh<br>arshad.salleh@yahoo.com | 019-510 2633 |
| **SUNGAI DUA**<br>Zahadi Mohd.<br>zahadi55@yahoo.com | 019-507 3828 |
| **TELOK AIR TAWAR**<br>Norhayati Jaafar<br>yatie7119@yahoo.com.my | 019-433 7119 |
| **SUNGAI ACHEH**<br>Azmi Samsudin<br>azmikeadilan@gmail.com | 012-594 1515 |
| **BAYAN LEPAS** | |
| **PULAU BETONG**<br>Hj. Mohd Tuah Ismail<br>tuahismail@yahoo.com | 019-570 9500 |
| **TELUK BAHANG**<br>Halil Sabri Hamid<br>halilsabri.hsh@gmail.com | 017-460 4849 |

## Talian Kecemasan & Perkhidmatan Awam

| | |
|---|---|
| POLIS & AMBULANS | 999 |
| BOMBA | 994 |
| DIREKTORI TELEFON | 103 |
| OPERATOR ANTARABANGSA | 101 |
| PENYELAMAT | 991 |
| BIRO PENGADUAN AWAM | 04-263 6893 |
| SEKRETARIAT KERAJAAN NEGERI | 04-262 1957 |
| KASTAM | 04-262 2300 |
| IMIGRESEN | 04-250 3419 |
| WCC (*Women's Centre for Change*) | 04-228 0342 |
| Pusat Perkhidmatan Wanita (Seberang) | 04-398 8340 |
| EPF | 04-226 1000 |
| SOCSO | 04-238 9888 |

| | |
|---|---|
| JPJ | 04-656 4131<br>04-398 8809 |
| JABATAN PENDAFTARAN | 04-226 5161 |
| *PENANG GLOBAL TOURISM (PGT)* | 04-263 1166 |
| *TOURISM MALAYSIA* | 04-261 0058 |
| KERETAPI BUKIT BENDERA | 04-828 8880 |
| FERI (GEORGETOWN) | 04-210 2363 |
| ( BUTTERWORTH) | 04-310 2377 |
| JAMBATAN PP | 04-398 7419 |
| STESEN KERETAPI BUTTERWORTH | 04-261 0290 |
| PERSATUAN PERLINDUNGAN KANAK-KANAK | 04-829 4046 |
| CAP | 04-829 9511 |
| BEFRIENDERS PENANG | 04-281 5161<br>04-281 1108 |
| PERPUSTAKAAN PP | 04-229 8555 |

## PROGRAM PENGHARGAAN WARGA EMAS/OKU/IBU TUNGGAL/ PROGRAM ANAK EMAS/ PROGRAM RAKAN ANTI KEMISKINAN/ PROGRAM PELAJAR EMAS

| | | | |
|---|---|---|---|
| N1 | Penaga | 011-1060 8823 | Shukri |
| N2 | Bertam | 019 - 593 3736 | Fatimah |
| N3 | Pinang Tunggal | 017 - 424 9371 | Tasrin |
| N4 | Permatang Berangan | 019 - 556 4664 | R.M. Reza |
| N5 | Sungai Dua | 013 - 595 6865 | Rosli Man |
| N6 | Telok Air Tawar | 013 - 598 1435 | Raudzey Razali |
| N7 | Sungai Puyu | 012 - 480 5495 | Mr.Lee |
| N8 | Bagan Jermal | 013 - 449 0366 | Yeap Choon Keong |
| N9 | Bagan Dalam | 016 - 473 1963 | Gesan |
| N10 | Seberang Jaya | 04 - 390 5109 | Nor Hayati Mohd. Iskander |
| N11 | Permatang Pasir | 019 - 412 8442<br>013 - 595 6865 | Kamal<br>Rosli |
| N12 | Penanti | 04 - 538 2871<br>04 - 538 3871 | Tira |
| N13 | Berapit | 016 - 401 3507<br>017 - 446 1817 | Mr.Lim<br>Yeoh Ee Yee |
| N14 | Machang Bubuk | 012 - 474 0964<br>012 - 473 0964 | Andrew Chin<br>Ikhwan |
| N15 | Padang Lalang | 017 - 552 8928<br>014 - 945 9786 | Chan<br>Lai |
| N16 | Perai | 04 - 399 6689 | Selvi |
| N17 | Bukit Tengah | 013 - 518 8735 | Lim Tuan Chun |
| N18 | Bukit Tambun | 016 - 404 9120<br>017 - 378 4448 | G.Dumany<br>Khor |
| N19 | Jawi | 017 - 408 4784<br>012 - 456 5018 | Abdul Halim<br>Mr. Khor |
| N20 | Sungai Bakap | 019 - 552 8689<br>012 - 542 4454 | Norjuliana<br>Hasbullah |
| N21 | Sungai Acheh | 010 - 929 6603 | Ariff Baseri |
| N22 | Tanjong Bungah | 012 - 465 0021<br>011 - 12441069 | Tina<br>Hezreen |
| N23 | Air Putih | 04 - 829 0614 | Hong Kian Beng |
| N24 | Kebun Bunga | 012 - 493 3342 | Cheng Kok Eong |
| N25 | Pulau Tikus | 017 - 956 3237 | Quah |
| N26 | Padang Kota | 012 - 431 7015 | Johnny Chee |
| N27 | Pengkalan Kota | 012 - 401 1522 | Ch'ng Chin Keat |
| N28 | KOMTAR | 012 - 423 3227<br>010 - 811 7300 | Benji Ang<br>Razin |
| N29 | Datok Keramat | 017 - 480 7417<br>04 - 226 2464 | Varinder<br>Kalvinder |
| N30 | Sungai Pinang | 04 - 282 6630 | Shuen |
| N31 | Batu Lancang | 04 - 282 6419 | Karuna |
| N32 | Seri Delima | 019 - 4474362<br>012 - 5242549 | Mahen<br>James |
| N33 | Air Itam | 012 - 4730736<br>016 - 4940705 | Anne<br>Janet |
| N34 | Paya Terubong | 012 - 484 1963 | Toon Hoon Lee |
| N35 | Batu Uban | 016 - 205 1185<br>016 - 480 0232<br>016 - 487 8602<br>016 - 444 3550 | Frankie Kee<br>Jalal<br>Khairul<br>Sathya |
| N36 | Pantai Jerejak | 04 - 646 4700 | Aliff / Shamsudin |
| N37 | Batu Maung | 019 - 498 1096<br>016 - 428 6158 | Amirulzaman<br>Danny Ho |
| N38 | Bayan Lepas | 016 - 599 2918 | Saifullizan |
| N39 | Pulau Betong | 012 - 422 4935 | Zulkiflee |
| N40 | Telok Bahang | 017-413 5695 | Johan Abu Bakar |

## SENARAI NAMA AHLI MAJLIS MPSP 2014

| Nama | Telefon |
|---|---|
| MPSP | 04 - 549 7555 |
| Mohd Shaipol Ismail (DAP) | 012 - 552 4791 |
| Chandrasekeran a/l S. Maniam (DAP) chanderasekeran@mpsp.gov.my | 012 - 5619870 |
| Loh Joo Huat (DAP) jhloh@mpsp.gov.my | 012 - 422 1133 |
| Tan Chong Hee (DAP) | 019 - 411 5598 |
| Tan Chee Teong (DAP) | 012 - 401 7718 |
| Michael Tan Cheong Heng (DAP) | 012 - 487 3101 |
| P. David Marshel (DAP) | 019 - 412 3397 |
| H'ng Mooi Lye (DAP) | 012 - 425 2602 |
| M.Satees (DAP) | 016 - 438 4767 |
| Chong Pei Pei (DAP) | 012 - 476 7729 |
| Ong Eu Leong (PKR) | 010 - 770 0508 |
| Rezal Huzairi Md Zaki (PKR) | 017 - 409 7702 |
| Abdul Jalil Che Ros (PKR) | 013 - 489 3227 |
| Shafiqah Shobha Abdullah (PKR) | 016 - 496 1659 |
| Rajasegar a/l Govindasamy (PKR) | 019 - 411 7051 |
| Zulkifli Ibrahim (PKR) | 018 - 576 1622 |
| Zulkiefly Saad (PKR) | 013 - 436 2848 |
| Mohd Rizal Abd Hamid (PKR) | 012 - 424 3878 |
| Ho Leng Hong (PKR) | 017 - 487 2767 |
| Omar Hassan (PAS) | 019 - 571 8031 |
| Ahmad Kaswan Kassim (PAS) ahmadkaswan@mpsp.gov.my | 019 - 408 4899 |
| Wong Chee Keet (NGO) | 012 - 451 1312 |
| Dr. Tiun Ling Ta (NGO) lttiun@mpsp.gov.my | 04-508 0039 (Tel) 04-657 0918 (Fax) |
| Ahmad Tarmizi Abdullah (NGO) | 013 - 414 4822 |

## SENARAI NAMA AHLI MAJLIS MPPP 2014

| Nama | Telefon |
|---|---|
| MPPP | 04 - 259 2020 |
| Tan Hooi Peng (DAP) | 012 - 498 6212 |
| Harvindar a/l Darshan Singh (DAP) | 012 - 428 2250 |
| Ong Ah Teong (DAP) | 012 - 410 6566 |
| Tay Leong Seng (DAP) | 019 - 321 9392 |
| Gooi Seong Kin (DAP) | 016 - 457 1271 |
| Sukumar a/l Subramaniam (DAP) | 019 - 442 2113 |
| Joseph Ng Soon Siang (DAP) | 012 - 423 9143 |
| Tan Kim Hooi (DAP) | 016 - 438 7855 |
| Lee Chun Kit (DAP) | 012 - 519 2152 |
| Mohd Hariszuan Jaharudin (DAP) | 013 - 379 6019 |
| Francis a/l Joseph (PKR) | 012 - 474 3321 |
| Muhammad Sabri Md. Osman (PKR) | 013 - 432 0207 |
| Ahmad Azrizal Tahir (PKR) | 012 - 498 4556 |
| Kumaresan a/l Arumugam (PKR) | 014 - 945 9621 |
| Tan Chiew Choon (PKR) | 019 - 470 4499 |
| Muhammad Bakhtiar Wan Chik (PKR) | 019 - 470 8811 |
| Lim Boon Beng (PKR) | 012 - 564 4400 |
| Nur Zarina Zakaria (PKR) | 011 - 1578 5098 |
| Iszuree Ibrahim (PAS) | 016 - 443 3205 |
| Mhd Nasir Yahya (PAS) | 012 - 402 6739 |
| Dr. Lim Mah Hui(NGO) | 012 - 422 1880 |
| Eric Lim Seng Keat (NGO) | 016 - 414 3428 |
| Mohd Foaz Hamid (NGO) | 016 - 422 2225 |

## Kalendar Pelancongan Pulau Pinang Okt. - Nov 2014




25hb Oktober
***Awal Muharam***

16hb November
***Penang Bridge International Marathon***





### SIDANG REDAKSI BULETIN MUTIARA

**Penulis:**
YAP LEE YING
AINUL WARDAH SOHILLI
ZAINULFAQAR YAACOB
NORSHAHIDA YUSOFF
WATAWA NATAF ZULKIFLI

**Jurugambar/Juruvideo:**
CHAN LILIAN
LAW SUUN TING
ALISSALA THIAN
AHMAD ADIL MUHAMAD
MARK JAMES

**Jurugrafik:**
IDZHAM AHMAD
LOO MEI FERN

sertai kami melalui "***sms blast***",
taip "***ADD ME***" 010 333 1758

Bagi sebarang maklum balas, sila hantar ke:

**Editor BULETIN MUTIARA,**
Tingkat 47, Komtar,
10503 Pulau Pinang.
Emel: buletinmutiara.bpkn@gmail.com

Talian Pejabat
04 - 650 5561, 04 - 650 5559,
04 - 650 5705, 04-650 5375, 04 - 650 5256






Tuan Yang Terutama Negeri (TYT), Tun Dr. Abdul Rahman Abbas (bersongkok) diiringi isteri memotong kek sebagai simbolik Majlis Jamuan Teh Sempena Sambutan Hari Jadi beliau Ke-76 Peringkat Seberang Perai.



PEMANDANGAN George Town yang dirakam baru-baru ini.



ADUN Sungai Pinang, Lim Siew Khim (kanan sekali), ADUN Komtar, Teh Lai Heng (dua dari kanan) dan wakil-wakil daripada agensi kerajaan menunjukkan tanda bagus semasa mengadakan lawatan ke Taman Poket Sungai Pinang .



LENSA Buletin Mutiara sempat merakam gambar Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin bersama isteri pada Majlis Jamuan Makan Malam Hari Jadi Ke-76 Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang.







AHLI Parlimen Bukit Bendera, Zairil Khir Johari (kiri sekali) meninjau serta menyampaikan sumbangan kepada mangsa-mangsa banjir kilat di kawasannya.

AKSI ADUN Seberang Jaya, Dr. Afif Bahardin (bervest merah, tiga dari kanan) pada Pertandingan Persahabatan Bola Keranjang anjuran beliau.








WALAUPUN ombak besar memukul pesisir pantai, para kakitangan MPPP bertungkus-lumus membersihkan laluan di Padang Kota Lama demi keselamatan awam.

# Kerajaan Persekutuan Harus Menjadikan Kesaksamaan Gender dan Pengarusperdanaan Gender Sebuah Keutamaan Nasional



CHONG Eng.

**SEBAGAI** Exco Kerajaan Negeri Pulau Pinang bagi Belia dan Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti dan juga Pengerusi Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC), saya ingin memuji beberapa langkah yang disenaraikan dalam Bajet 2015 Kerajaan Persekutuan yang bertujuan untuk mengurangkan jurang gender dan memupuk kesaksamaan gender di Malaysia.

Saya gembira melihat bahawa strategi kelima dalam Bajet 2015, "Memartabat Peranan Wanita", telah mengenal pasti secara khusus dan berusaha menangani isu-isu kritikal seperti perlunya untuk meningkatkan penyertaan bermakna wanita dalam tenaga kerja, untuk menyediakan kemudahan penjagaan kanak-kanak yang lebih banyak dan mudah diakses, dan untuk membangunkan wanita sebagai pemimpin dan pembuat keputusan.

Khususnya, saya ingin memuji seruan Perdana Menteri untuk menambah bilangan pengarah wanita dalam syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dan swasta. Saya juga mengalu-alukan pengumuman program "Wanita Career Comeback" TalentCorp yang bertujuan menarik wanita profesional kembali ke tenaga kerja. Saya berharap sektor swasta akan menerima baik pengkajian semula garis panduan bagi pusat-pusat jagaan kanak-kanak berasaskan tempat kerja, dan majikan akan bertindak balas secara positif dan memberi sokongan padu kepada lebih ramai ibu bapa yang bekerja.

Inisiatif-inisiatif yang telah diumumkan ini akan membantu serba sedikit dalam memupuk budaya persekitaran kerja yang mesra wanita dan keluarga serta memperjuangkan kesaksamaan gender.

Walau bagaimanapun, pada masa yang sama saya ingin menyuarakan kebimbangan bahawa kita sedang "melakukan terlalu sedikit, terlalu lambat."

Sekiranya Malaysia ingin menjadi sebuah negara yang maju di mana wanita adalah rakan kongsi dan rakyat yang setaraf, Kerajaan Persekutuan sudah tentu perlu berusaha lebih untuk mengarusperdanakan gender melalui dasar-dasar dan program-program, keutamaan belanjawan dan institusi, serta tindakan konkrit dan cara penyelesaian.

Di sini saya ingin mencabar, dan mencadangkan kepada Kerajaan Persekutuan, untuk berpandangan jauh dengan menjadikan kesaksamaan gender dan pengarusperdanaan gender sebuah keutamaan nasional. Ini boleh dilakukan melalui tiga bidang kritikal:

**1) Membangunkan Wanita sebagai Pemimpin dan Pembuat Keputusan dalam Politik dan Sektor Awam**

Tatkala kita bercakap mengenai perwakilan wanita dalam tenaga buruh dan sektor swasta, kita tidak boleh mengabaikan hakikat bahawa agak kurang jumlah pemimpin wanita, pengurus dan pembuat keputusan dalam tadbir urus, terutama di peringkat perundangan dan sektor awam kerajaan persekutuan. Pada bulan Jun 2013, hanya setahun lalu, wanita merupakan hanya 10.4% (23 dari 222) Ahli-ahli Parlimen, 28.8% (17 dari 59) Ahli-Ahli Dewan Negara, 11.3% (65 dari 576) Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri dan 13.1% (437 dari 3,338) Ahli-ahli Majlis Tempatan. Di dalam Kabinet Barisan Nasional yang sedia ada, hanya 2 dari 35 Menteri dan 6 dari 27 Timbalan Menteri adalah wanita.

Saya gembira bahawa pada tahun 2013, perwakilan wanita mencecah sekurang-kurangnya 33.7% pengurusan tertinggi dalam sektor awam. Walau bagaimanapun, di peringkat tertinggi pembuat keputusan, peratusan wanita tidak mencapai taraf minimum 30% yang dikehendaki dengan 29.2% (7 dari 24) Ketua Setiausaha, 26.8% (15 dari 56) Timbalan Ketua Setiausaha, 13.6% (6 dari 44) Ketua-Ketua Pengarah, Pengarah dan Pengurus Besar Badan-badan Berkanun, dan 17.3% (19 dari 110) Ketua-Ketua Pengarah Jabatan Persekutuan. Di peringkat kerajaan tempatan, pada tahun 2011 hanya 4 dari 48 datuk bandar di Malaysia merupakan wanita – dan ini tidak berubah banyak walaupun 3 tahun kemudian.

Jika kita inginkan suara-suara, kebimbangan dan keutamaan wanita di Malaysia didengari dengan berkesan, dihormati, diwakili dan dipertimbangkan dalam penggubalan dasar, kita mesti bermula dengan memperjuangkan kepelbagaian gender dalam politik dan sektor awam. Bagaimana kita boleh membuat tuntutan bahawa kita mentadbir untuk semua apabila kita tidak memberi peluang yang adil kepada mereka yang berkelayakan, berkebolehan dan berbakat dalam kalangan kita?

Sekali lagi, saya mengalu-alukan langkah untuk melatih 125 wanita profesional untuk menjadi pengarah GLC dan syarikat swasta. Langkah-langkah afirmatif yang sama perlu diambil untuk meningkatkan bilangan wanita dalam politik. Khususnya, saya mencadangkan agar Perdana Menteri memulakan reformasi pilihan raya untuk membawa lebih ramai wanita ke dalam Parlimen dan Dewan Undangan Negeri, seperti kuota gender dan kerusi khusus bagi calon wanita yang telah dilaksanakan di negara-negara lain. Malah, memandangkan persempadanan semula yang akan datang, Suruhanjaya Pilihan Raya patut mempertimbangkan penambahan kerusi baru dari kawasan pilihan raya yang sekarang terlalu besar seperti Kapar, yang boleh dikhususkan bagi calon wanita.

Mekanisme yang serupa perlu diguna pakai untuk peringkat pembuat keputusan yang tertinggi dalam sektor awam. Saya berharap dapat melihat Kerajaan Persekutuan mewujudkan program sebegini bagi mempergiatkan pengambilan, latihan, bimbingan dan kerjaya pengurusan bagi wanita yang berkebolehan di semua jabatan dan agensi kerajaan.

**2)Menggunakan Data Pecahan Gender dalam Penggubalan dan Analisa Dasar**

Apabila saya mula-mula meneliti Bajet 2015, saya ambil maklum dengan rasa khuatir bahawa Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat hanya diperuntukkan RM 2.247 bilion ringgit, hanya 1% daripada jumlah Bajet Persekutuan. Ini, bagi saya, menimbulkan kebimbangan mengenai keberkesanan Kementerian untuk menghulurkan bantuan dan memberi kesan ke atas golongan wanita, terutama yang terpinggir, di seluruh negara.

Sudah tentu, saya mengakui bahawa kementerian-kementerian dan agensi-agensi lain juga mungkin mempunyai program yang secara langsung atau tidak langsung memberi manfaat kepada wanita. Walau bagaimanapun, di sinilah terdapat masalah – iaitu tanpa butiran terperinci tentang mereka yang mendapat manfaat daripada program-program kerajaan, mengikut jantina, kita tidak mempunyai cara untuk mengetahui kebenaran. Bagaimana kita boleh menilai sama ada peruntukan Kerajaan Persekutuan, dan program-program yang dibiayai, benar-benar membantu wanita dan menggalakkan kesaksamaan gender di Malaysia?

Saya menggesa Kementerian Kewangan untuk memulakan satu pelan jangka panjang yang jelas serta komprehensif untuk mengumpul, menganalisis dan menerbitkan data mengikut pecahan gender bagi semua program dan aktiviti semua kementerian, agensi dan GLC. Data ini perlu disediakan bukan sahaja kepada jabatan-jabatan dan kakitangan kerajaan, tetapi juga kepada penyelidik bebas dan pihak berkepentingan dalam masyarakat sivil untuk dianalisis dan dikaji. Hanya dengan data ini akan kita dapat gambaran yang lebih jelas tentang kesan gender dari perbelanjaan dan program Kerajaan Persekutuan, dan ini akan membolehkan pembuat dasar dan perancang boleh bertindak dengan sewajarnya.

**3)Menginstitusikan Bajet Gender**

Pada bulan Jun 2014, Menteri Kewangan Kedua Datuk Seri Ahmad Husni Hanadziah, mengumumkan bahawa kementerian telah memulakan perbincangan kumpulan fokus untuk mempromosikan Bajet Gender, dan bahawa 'bajet gender khas' akan diumumkan dalam Bajet 2015. Oleh itu saya telah tidak sabar-sabar menantikan Bajet 2015, kerana menjangkakan pengumuman tentang pelaksanaan Bajet Gender. Jika ia berlaku, ini akan menjadi satu langkah bersejarah bagi Malaysia kerana Bajet Gender menyarankan peruntukan yang disasarkan dan penilaian sumber bagi membetulkan ketidaksamaan dan mengurangkan jurang gender dan sosial. Ini meletakkan pengarusperdanaan gender di barisan depan tadbir urus dengan cara yang ketara, konkrit, dan berorientasikan hasil.

Malangnya, tiada apa yang dikatakan mengenai Bajet Gender dalam ucapan Bajet 2015. Saya agak kecewa memandangkan pada tahun 2004, Pekeliling Perbendaharaan dari Kementerian Kewangan telah mengumumkan bahawa kementerian perintis yang terpilih akan menggunakan analisis gender dalam perancangan dan program-program mereka manakala agensi-agensi lain digalakkan untuk ikut serta. Lima kementerian perintis telah memulakan bajet responsif gender (GRB) dari tahun 2005 – tetapi malangnya, tiada langkah susulan selepas itu. Sejak itu, terdapat banyak Pekeliling Perbendaharaan sejak 2004, di mana yang terbaru **(KEMENTERIAN KEWANGAN: PEKELILING PERBENDAHARAAN NO.3 TAHUN 2014)** paling jelas memerlukan semua jabatan dan agensi kerajaan untuk menyediakan belanjawan dengan menggunakan pendekatan analisis bajet gender. Namun, kemajuan setakat ini amatlah perlahan.

Walaupun tiada rujukan dibuat kepada Pekeliling Perbendaharaan ini dalam ucapan Bajet 2015, saya amat berharap bahawa Kementerian Kewangan akan mengambil inisiatif untuk memastikan semua agensi mematuhi kehendak Pekeliling yang telah dikeluarkan ini. Jika kita serius ingin melihat bajet gender menjadi sebahagian daripada penggubalan dasar di Malaysia, Kementerian Kewangan perlu mengorak langkah bagi menginstitusikan templat yang betul serta struktur, mekanisme dan proses yang perlu bagi rujukan pihak-pihak berkepentingan.

Saya berpendapat teguh bahawa bajet gender adalah alat perancangan yang perlu bagi memastikan bahawa keperluan wanita dan lelaki, kanak-kanak perempuan dan kanak-kanak lelaki diambil kira dengan sewajarnya dan terangkum dalam semua perancangan dan projek-projek kerajaan. Malah, di Pulau Pinang, sejak 2012 kami telah memulakan beberapa projek bajet gender peringkat komuniti melalui Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang. Kami gembira kerana usaha kami telah mencipta kejayaan dan kepuasan yang ketara di kalangan komuniti perintis kami.

Pengalaman kami juga telah membuktikan kepada kami manfaat yang terhasil dari penglibatan masyarakat; dan oleh sebab itu, kami mengesyorkan bahawa bajet gender perlu dilakukan seiring dengan belanjawan bersifat partisipatori ('participatory budgeting'). Semangat berunding dengan pihak berkepentingan mengenai perancangan, belanjawan dan peruntukan sumber, seiring dengan menangani keperluan berbeza mengikut gender, semestinya menjunjung prinsip keterangkuman dan demokrasi yang seharusnya dipraktikkan dengan meluas di negara ini.

Kami bersedia berkongsi model dan inisiatif Bajet Responsif Gender dan Partisipatori (BRGP) seperti yang diamalkan di Pulau Pinang. Saya harap Kementerian Kewangan, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, dan kami di Kerajaan Negeri Pulau Pinang boleh bergabung tenaga dalam usaha untuk melihat sesebuah Malaysia yang lebih maju dan saksama gender.

Akhir sekali, saya ingin menegaskan lagi seruan saya kepada Kerajaan Persekutuan untuk melakukan lebih banyak bagi mempromosikan kesaksamaan gender dan mengarusperdanakan gender dalam urusan pentadbiran dan sektor awam. Sekarang adalah masa untuk berbuat demikian.

**CHONG ENG**
**EXCO Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk Belia dan Sukan; Pembangunan Wanita, Keluarga & Komuniti**
**Pengerusi Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC)**

# Pembangunan semula Taman Rama-rama, pusat penyelidikan dunia

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar: **MARK JAMES**

**TELUK BAHANG** – Taman Rama-rama Pulau Pinang bakal dibangunkan semula menjadi taman santuari rama-rama, pepatung dan kelip-kelip pertama di dunia dengan peruntukan berjumlah RM38 juta.

Taman yang telah 28 tahun beroperasi sejak tahun 1986 itu juga merupakan santuari kepada lebih 50 spesis rama-rama dan serangga tropika yang pertama di dunia dimiliki oleh Butterfly House Sdn. Bhd..

"Fasa pertama pembangunan semula akan dilaksanakan pada tahun hadapan (2015) dan sedia dibuka kepada umum menjelang tahun 2016 kelak, manakala fasa kedua hanya akan bermula awal tahun 2018.

"Apabila ia siap sepenuhnya, taman ini bukan sahaja menjadi santuari rama-rama, pepatung dan kelip-kelip terbesar di Malaysia, tetapi juga dijangka menjadi destinasi bertaraf antarabangsa," ucap Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng ketika hadir ke Majlis Pecah Tanah Pembangunan Semula Taman Rama-rama Pulau Pinang di sini baru-baru ini.

Turut sama, Exco Pembangunan Pelancongan, Law Heng Kiang, Pengasas Taman Rama-rama Pulau Pinang, David Goh dan Pengarah Urusan Taman Rama-rama Pulau Pinang, Joseph Goh.

Tambah Guan Eng, pembangunan semula taman tersebut dilihat sebagai langkah bijak ke arah mempromosikan Taman Rama-rama Pulau Pinang sebagai salah satu produk pelancongan yang akan membawa peluang lebih besar bukan sahaja kepada Pulau Pinang, tetapi juga Malaysia keseluruhannya.

Menurutnya, projek bertujuan menjadikan taman berkenaan sebagai pusat pendidikan serangga di Malaysia bakal menjadi platform untuk kerja-kerja penyelidikan haiwan inverterbrata dari seluruh dunia.

Dalam pada itu, Joseph memberitahu, pembangunan semula Taman Rama-rama memperlihatkan fasiliti taman tersebut diperluas dari 29,000 kaki persegi kini kepada 130,000 kaki persegi apabila siap kelak.

"Taman ini masih lagi beroperasi sehingga 15 Jun 2015 sebelum ditutup bagi memberi laluan kepada pembangunan seterusnya," katanya sejurus selepas majlis pecah tanah tersebut.



**SEBAHAGIAN** spesis rama-rama yang terdapat di Taman Rama-rama Pulau Pinang di sini.



**PARA** pengunjung mengambil gambar model Taman Rama-rama yang bakal dibangunkan semula pada majlis pecah tanahnya di sini baru-baru ini.



**ANTARA** aktiviti yang diadakan.


## TABUNG AMANAH PINJAMAN PENUNTUT NEGERI PULAU PINANG

Pejabat Setiausaha Kerajaan, Paras 25, KOMTAR, 10503 Pulau Pinang Tel : 04-6505165 / 6505391 / 6505627 Fax : 04-2613453

Layarilah Laman Web : http://www.penang.gov.my

**Pentadbiran ini dalam usaha mengesan semula peminjam dan penjamin mengikut senarai di bawah. Dipohon penama tersebut menghubungi pihak pentadbiran bagi tujuan pembayaran dengan kadar segera sebelum diambil tindakan selanjutnya. Orang ramai juga boleh tampil untuk memberi maklumat mengenai penama yang berkenaan.**

**(Sila abaikan notis ini jika pembayaran telah dibuat)**

No Akaun : 3039
Peminjam : KANG SWEE HUA - 701009075394
A-4-3 IDAMAN PUTERA, 7 JALAN 6/21D, MEDAN IDAMAN 53100 GOMBAK, SELANGOR
Penjamin 1 : GON MONG YEE - A0529760
N2-01-06 GOODYEAR COURT 7, JALAN USJ 14/1, SUBANG JAYA 47630 SELANGOR
Penjamin 2 : TAN YEN SHYANG - A1079643
11A LORONG JERNIH 5, TAMAN JERNIH 14000 BUKIT MERTAJAM

No Akaun : 3054
Peminjam : PRABHAKARAN A/L THIYAGARAJAN - 700902075181
A-19-01 KELANA MAHKOTA CONDOMINIUM, JLN. SS7/19, KELANA JAYA 47301 PETALING JAYA, SELANGOR
Penjamin 1 : KUPPUSAMY A/L MUTHUKANIU - 471028075161
NO. 16 JALAN TEMBUSU , TAMAN PUYU, BAGAN LALANG 13400 BUTTERWORTH
Penjamin 2 : NADARAJA A/L TANIMALAY – 450115075327 (MENINGGAL DUNIA)
17 LORONG RUSA LIMA , TAMAN SELAMAT, ALMA 14000 BUKIT MERTAJAM

No Akaun : 3056
Peminjam : AIDA BT MOHAMED ARIFFIN - 700907075092
NO. 20 JALAN MAJU , TAMAN MAJU 83000 BATU PAHAT, JOHOR
Penjamin 1 : HASNAH BT MOHAMAD - 451104075334
473A JALAN KENANGA 1/22 TAMAN KENANGA,SEKSYEN 1, 75200 MELAKA
Penjamin 2 : ABD WAHAB BIN MD ISA - 590910025585
174-G KAMPUNG MASJID, 08300 GURUN, KEDAH

No Akaun : 3058
Peminjam : CHEONG KAH HING - 720719105379
35 LORONG KURAU 23, TAMAN CHAI LENG 13700 PERAI
Penjamin 1 : CHEONG WENG CHOY - 421225075157
35 LORONG KURAU 23, TAMAN CHAI LENG 13700 PERAI
Penjamin 2 : CHEONG KAH POH - 690117106417
35 LORONG KURAU 23, TAMAN CHAI LENG 13700 PERAI

No Akaun : 3073
Peminjam : GERALD CHIN CHUNG PENG - 710506075269
2-3-8A BANGUNAN LIP SIN, LEBUH PEKAKA 1, SUNGAI DUA 11700 PULAU PINANG
Penjamin 1 : YEOH SAW SIEW - 711231075298
1-6-2 DESA MEDURA, RELAU 6, BAYAN LEPAS 11900 PULAU PINANG
Penjamin 2 : CHIN WOOI LEONG - 451004095119
1-6-2 DESA MEDURA, RELAU 6, BAYAN LEPAS 11900 PULAU PINANG

No Akaun : 3076
Peminjam : LEE KAH HEONG - 710420075575
97-7-1 UNIVERSITI HEIGHTS, JALAN SUNGAI DUA 11700 GELUGOR, PULAU PINANG
Penjamin 1 : KEE HAI GAIK - 411009075006
840 JALAN BESAR 14200 SUNGAI BAKAP, SEBERANG PERAI SELATAN
Penjamin 2 : KEE BOON KEAT - 640121075195
1440 TAMAN SUNGAI BAKAP 14200 SUNGAI BAKAP , SEBERANG PERAI SELATAN

No Akaun : 3082
Peminjam : SARAVANAN A/L KAMALASEGARAN - 720121075451
NO 144 LORONG MESRA , TAMAN KEENWAYS 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 1 : SIVASUBRAMANIAM A/L AYYAVU - 621001075795
32 LORONG BELIBIS 21, TAMAN TANGLING 14100 SIMPANG AMPAT, SPS
Penjamin 2 : ALEXANDER A/L RAJAGOPAL - 700822075149
NO. 9 MUKIM 15, KAMPUNG BARU 14000 BUKIT MERTAJAM

No Akaun : 3090
Peminjam : SUMATHI A/P SATHASIVAM - 731112075402
NO. 1 JALAN SUASANA 2/1, BANDAR TUN HUSSIEN ONN 43200 BATU 9 CHERAS, SELANGOR
Penjamin 1 : TANGAYA A/L SAMINATHAN – 300323715145 (MENINGGAL DUNIA)
1193 JALAN KULIM 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 2 : GOVINDAN A/L SAMINATHAN – 341113085369 (MENINGGAL DUNIA)
36 LORONG KANTAN 1, TAMAN JAYA 14000 BUKIT MERTAJAM

No Akaun : 3091
Peminjam : SARAVANAN A/L PANDIAN - 730509075019
1245 JALAN BUKIT PANCHOR 14300 NIBONG TEBAL, SPS
Penjamin 1 : PANDIAN A/L SELLAMUTHU - 471101075257
1245 JALAN BUKIT PANCHOR 14300 NIBONG TEBAL, SEBERANG PERAI SELATAN
Penjamin 2 : SUNDARAMURTHY A/L ARUMUGAM - 580930075425
498 JALAN INDUSTRI, JALAN BKT PANCHOR 14300 NIBONG TEBAL, SPS

No Akaun : 3110
Peminjam : WONG KAH SENG - 720214075223
19 LORONG PINGGIRAN ALMA 7, TAMAN PINGGIRAN ALMA 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 1 : WONG KIM CHOON - 460930075373
TBP 83 JALAN KAMPUNG ASTON 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 2 : GOH POH YEAN - 720613075060
19 LORONG PINGGIRAN ALMA 7, TAMAN PINGGIRAN ALMA 14000 BUKIIT MERTAJAM

No Akaun : 3125
Peminjam : ALEGESEN A/L SOUNDARAJAN - 740227085517
118-B1-05-06 PSRN. BAYAN INDAH, PUTRA PLACE CONDOMINIUM 11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG
Penjamin 1 : CHANDRA SEGARAN A/L AYA THURAI - 520327075231
25 TINGKAT KEDIDI , TAMAN SEMPADAN 14300 NIBONG TEBAL, SPS
Penjamin 2 : KUNASEGARAN A/L MUTHU – 601204085469 (MENINGGAL DUNIA)
10 JALAN HERIANG PEKAN BARU, 34200 PARIT BUNTAR, PERAK

No Akaun : 3132
Peminjam : SIM CHOOI BENG - 740922075169
653 JALAN KEBUN SIREH 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 1 : SIM CHOOI LYE – 640122075269 (MENINGGAL DUNIA)
1657 JALAN KEBUN SIREH 14000 BUKIT MERTAJAM, SEBERANG PERAI TENGAH
Penjamin 2 : LIM LILY - 640522075524
10 TINGKAT PERPADUAN 2, TAMAN ALMA 14000 BUKIT MERTAJAM

No Akaun : 3140
Peminjam : TNEH AIK HONG - 740601075221
NO. 43 LORONG MURNI 24, DESA MURNI, SUNGAI DUA 13800 BUTTERWORTH
Penjamin 1 : GOH KHOON SENG - 590831075357
72 LORONG MESRA PERMAI 8, TAMAN MESRA PERMAI 13400 BUTTERWORTH
Penjamin 2 : TNEH AI NEE - 621112075544
72 LORONG MESRA PERMAI 8, TAMAN MESRA PERMAI 13400 BUTTERWORTH

No Akaun : 3145
Peminjam : POON BOON JOON - 740610075207
NO. 11 JALAN INDAH 1/7, TAMAN BUKIT INDAH 81200 JOHOR BAHRU, JOHOR
Penjamin 1 : POON SOO HOI @ PUN SOO HOOI - 480308075101
NO. 11 JALAN INDAH 1/7 , TAMAN BUKIT INDAH 81200 JOHOR BAHRU, JOHOR
Penjamin 2 : LEE KOOI BENG - 620812025105
NO. 1579 LORONG 31 , TAMAN RIA, SUNGAI PETANI 08000 KEDAH

# MIDA harus telus kongsi maklumat - KM

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**

**GEORGE TOWN –** Agensi Pusat, Lembaga Pelaburan Perindustrian Malaysia (MIDA) seharusnya saling berkongsi maklumat secara telus dengan agensi negeri, *investPenang* (iP) mengenai potensi pelabur-pelabur asing baharu ke negeri ini.

Menurut Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng, MIDA dalam tempoh Januari hingga September tahun ini direkodkan merujuk dua pelabur asing baharu sahaja kepada iP sedangkan, agensi negeri dalam tempoh sama direkodkan merujuk 13 pelabur asing baharu ke Pulau Pinang dengan agensi pusat berkenaan.

Justeru, Guan Eng menasihatkan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mustapa Mohamed supaya tidak mempolitikkan isu pelaburan asing langsung (FDI) ke negeri yang kononnya merundum kini.

"Saya tidak berniat untuk membuat serangan balas secara peribadi sebagaimana dilakukan oleh beliau (Mustapa) kerana isu pelaburan (FDI) lebih utama dilihat sebagai kepentingan negara.

"Kalau sesuatu (FDI) baik untuk negeri, akhirnya ia akan baik untuk Malaysia, (dan) kalau sesuatu baik untuk Malaysia, akhirnya, ia akan baik untuk semua negeri di Malaysia.

"Saya pun tidak tahu mengapa bilangan pelabur asing berpotensi baharu yang dirujuk oleh MIDA kepada *investPenang* (iP) boleh begitu berkurangan.

"Sungguhpun bilangan pelaburan telah naik, tapi yang dirujuk oleh MIDA telah turun, adakah MIDA telah hilang minat ke atas Pulau Pinang," tanyanya ditujukan kepada Mustapa dan MIDA pada sidang media di sini baru-baru ini.

Berdasarkan rekod rasmi terkini agensi pusat tersebut pada 13 Oktober lepas, MIDA telah merujuk 26 pelabur asing kepada iP pada tahun 2011, diikuti 2012 (24), 2013 (14) dan Januari hingga September 2014 (dua pelabur sahaja).

Rekod sama turut mendedahkan, iP telah merujuk kepada 17 pelabur asing kepada MIDA pada tahun 2013 dan 13 pelabur baru dalam tempoh sama Januari hingga September tahun ini.

Sumber rasmi MIDA turut merekodkan FDI Pulau Pinang bagi tahun 2010 adalah sebanyak RM12.2 bilion, 2011 (RM9.1 bilion), 2012 (RM2.5 bilion) dan 2013 (RM3.9 bilion).

Terdahulu, Guan Eng mempertikai kewibawaan MIDA gara-gara merekodkan FDI negeri untuk sektor pengilangan sahaja yang berjumlah RM2.34 bilion, bukan semua sektor pelaburan di negeri ini.

Menurut Guan Eng, Kerajaan Negeri pada Ogos lepas sahaja telahpun mengumumkan pelaburan RM1.05 bilion dari *Seagate* ke negeri ini, tetapi, angka itu langsung tidak direkod oleh MIDA.

Kerajaan Negeri, katanya, pada tahun ini turut mengumumkan pelaksanaan Hub Teknologi Maklumat Penyumberan Luar Proses Perniagaan (IT-BPO) dekat Bayan Lepas dan *Penang International Technology Park* (PITP) dekat Batu Kawan yang kedua-duanya bernilai pelaburan RM11.3 bilion, tetapi, angka itu tidak direkodkan secara rasmi oleh MIDA.

Itu, tegas beliau, tidak termasuk pembinaan enam hotel baru di negeri ini, dengan anggaran nilai pembangunan kasar (GDV) berjumlah RM693 juta.

Bagaimanapun, rekod rasmi terkini MIDA pada 13 Oktober tahun ini mendedahkan FDI Pulau Pinang dalam tempoh bulan Januari hingga September lepas adalah sebanyak RM3.1 bilion sahaja.

# Hari Perpaduan Jerman erat hubungan dua hala



KETUA Menteri berjabat tangan dengan Holger Michael sebagai tanda ucapan tahniah sempena sambutan Hari Perpaduan Jerman di sini baru-baru ini.

**RAPAT HUBUNGAN...** Sambutan Hari Perpaduan Jerman yang jatuh pada tanggal 3 Oktober setiap tahun disambut meriah di sini dengan kehadiran lebih 100 tetamu kehormat termasuk konsulat dan kenamaan negeri.

Majlis anjuran khas tersebut lazimnya mendekatkan hubungan silaturrahim antara dua pihak terutamanya Pulau Pinang dan Jerman.

Mengetuai delegasi Kerajaan Negeri, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng disusuli barisan Exco Kerajaan Negeri.

Majlis dimulakan dengan ucapan oleh Duta Besar Republik Persekutuan Jerman ke Malaysia, Holger Michael.

Guan Eng dalam ucapannya menyentuh mengenai isu hubungan dua hala di antara Malaysia dan Jerman.

"Saya mendoakan agar kerajaan dan rakyat Jerman berada di dalam kemakmuran, kesejahteraan dan kejayaan," ujarnya ringkas.

Majlis tersebut diserikan dengan dendangan lagu kebangsaan Jerman dan Negaraku, diikuti dengan persembahan koir bercorak nyanyian patriotik kedua-dua negara.


**KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG**
**Bahagian Kerajaan Tempatan (BKT)**
**NOTIS PERMOHONAN CADANGAN (RFP)**
**(KOD : LGD / RFP-PDP / 1 / 2014)**

Tawaran ini dibuka kepada syarikat tempatan dan antarabangsa untuk menyertai Notis Permohonan Cadangan (RFP) seperti berikut :-

| | | |
|---|---|---|
| TAJUK | : | **PROJEK JALAN DAN PENGANGKUTAN AWAM DI PULAU PINANG (Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang 2013 - 2030)** |
| TARIKH BUKA | : | **15 OGOS 2014 (JUMAAT)** |
| TARIKH TUTUP | : | **16 DISEMBER 2014 (SELASA)** |

Pembida yang berminat dikehendaki mengemukakan sejumlah wang yang tidak akan dikembalikan sebanyak Ringgit Malaysia Dua Ribu Sahaja **(RM 2,000.00)** melalui cek / kiriman wang pos kepada Bendahari Negeri Pulau Pinang untuk mendapatkan dokumen RFP Tender, termasuk enam (6) jilid Laporan Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang (PIP) .

Dokumen RFP dan Laporan PIP boleh didapati di Kaunter Juruwang, Tingkat 3, KOMTAR, Pulau Pinang pada waktu pejabat dari **8:00 pagi- 5:00 petang** mulai dari **15 Ogos 2014**.

Pembida yang berminat diwajibkan untuk menghadiri taklimat RFP seperti berikut:

| | | |
|---|---|---|
| Tarikh | : | **27 Ogos 2014 (Rabu)** |
| Masa | : | **9.30 pagi** |
| Tempat | : | **Auditorium A, Tingkat 5, KOMTAR, Pulau Pinang** |

Dokumen yang lengkap hendaklah diletakkan di dalam sampul bertutup dan hendaklah ditanda dengan jelas di sudut atas sebelah kanan sebagai Projek Jalan dan Pengangkutan Awam di Pulau Pinang, Malaysia sebelum atau pada jam **12 tengah hari, 16 Disember 2014** di Pejabat **Bahagian Kerajaan Tempatan, Tingkat 56, KOMTAR, 10503 Pulau Pinang.**

Dokumen yang dihantar selepas tarikh tutup tidak akan dipertimbangkan. BKT mempunyai hak untuk membatalkan tender RFP pada bila-bila masa sebelum atau selepas tarikh tutup tanpa sebarang notis.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi Ir. Lim Thean Heng di talian +604-6505410 / +604-2613454 (limtheanheng@gmail.com) atau Engr. Mustaqin bin Alpi di talian +604-6505681 (mus_wm@yahoo.com).

Ketua Penolong Setiausaha, Bahagian Kerajaan Tempatan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

# Kem Hijau Pupuk Semangat Cintai Alam Sekitar Dalam Kalangan Kanak-kanak

Oleh: **HOO Huey Ching**
**Pegawai Kanan**
**Penang Green Council**

**PADA** 27 September 2014 (Sabtu) yang lalu, satu Kem Hijau telah berjaya dilangsungkan di dewan SJK(C) Kampung Valdor, Seberang Perai Selatan, Pulau Pinang. Kem Hijau yang dianjurkan oleh Penang Green Council (PGC) kali ini telah mendapat kerjasama dari Pejabat Y.B. Dato' Law Choo Kiang, Ahli Dewan Undangan (ADUN) Negeri Pulau Pinang Kawasan Bukit Tambun dan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Kampung Valdor. Di samping itu, *JCI Butterworth City* turut memberi tajaan set alat tulis kepada para peserta kem tersebut.

Kem Hijau merupakan salah satu program komuniti PGC dengan objektifnya adalah untuk memupuk sifat Sayangi Alam Sekitar di kalangan generasi muda terutamanya kanak- kanak berumur 9-12 tahun. Sejumlah 60 orang pelajar sekolah rendah yang terdiri daripada pelajar-pelajar SJK (C) Kampung Valdor, SJK (C) Chong Kuang dan SJK (C) Keng Koon telah menghadiri program ini. Program pada pagi itu turut dirasmikan oleh wakil ADUN Bkt. Tambun, Encik Khor Khan Khai.




WAKIL Pejabat ADUN Bkt Tambun, En Khor Khan Kai menyampaikan ucapan perasmian untuk program Kem Hijau pada 27 September 2014 di dewan SJK(C) Kampung Valdor, Seberang Perai Selatan.

Tiga elemen utama yang dititikberatkan dalam Kem Hijau ialah: Sisa, Air dan Tenaga. Bagi mencapai objektif program ini, modul Kem Hijau direka supaya aktiviti yang dijalankan berupaya menggalakkan kanak-kanak memelihara dan memulihara alam sekitar demi kepentingan masa hadapan. Antara contoh aktiviti-aktiviti yang menarik adalah seperti sesi eksperimen pembentukan awan, Penuras Air DIY *(Do It Yourself)*, petandingan melukis poster bertemakan isu alam sekitar, penghasilan kraftangan daripada barangan kitar semula, pengenalan kepada teknik pengkomposan jenis pasu bunga serta tip -tip penjimatan elektrik. Menerusi aktiviti kumpulan kecil yang dijalankan, faedah bersama tercapai dimana kretiviti kanak-kanak dapat diperkembangkan sementara belajar mengenai ilmu pengetahuan alam sekitar.




PEJABAT ADUN Bukit Tambun (pihak penganjur bersama), JCI Butterworth City (penaja bag cenderahati peserta kem), Guru Besar dan wakil PIBG SJK (C) Kampung Valdor.



PENYAMPAIAN cenderahati dari pihak PGC kepada pihak penganjur bersama.



PESERTA kem bersama poster yang telah disiap dilukis hasil kerjasama semua ahli kumpulan .



SESI suai kenal dalam kumpulan kecil.



SALAH seorang peserta gembira dengan bag kitar semula yang dicipta daripada baju terpakai.



SESI suai kenal dalam kumpulan kecil.



MODERATOR sedang membimbing peserta kem untuk membuat penuras air yang ringkas.



GAMBAR kumpulan, peserta-peserta Kem Hijau, pihak penganjur bersama, penaja, kumpulan sukarelawan dan pihak penganjur program, Penang Green Council.

# P. Pinang buru kelayakan Liga Super 2016

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**GEORGE TOWN –** Seorang jurulatih import akan memimpin Skuad Harimau Kumbang mulai Januari tahun depan demi memburu kelayakan ke saingan Liga Super 2016, kata Presiden Persatuan Bola Sepak Pulau Pinang (FAP), Datuk Seri Nazir Ariff Mushir Ariff.

Katanya, FAP dengan tajaan lebih banyak dari sektor korporat, selain memerlukan pasukan profesional lebih mantap lengkap dengan pemain hebat agar setanding dengan pasukan-pasukan yang beraksi dalam Liga Super.

"Kita akan kolaborasi dengan beberapa pihak untuk mencari dana mulai Januari (2015) ini supaya impian bersama ini akan menjadi kenyataan," ujarnya dalam sidang media bersama-sama Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng di sini baru-baru ini.

Menurut Nazir Ariff, beliau sehingga kini berjaya memikat sembilan pemain tempatan daripada beberapa kelab dan negeri untuk beraksi pada musim depan.

Itu, tidak termasuk ketetapan peringkat pengurusan FAP untuk mengekalkan penyerang import dari Korea Selatan, Lee Gil Hoon, yang direkodkan menyumbang 16 gol dalam saingan musim lepas.

Bagaimanapun, beliau memberitahu, pengurusan memikat beberapa lagi pemain import untuk beraksi pada musim depan kemungkinan akan diserahkan kepada jurulatih baru.



KETUA Menteri diiringi Nazir Ariff Mushir Ariff (berdiri, tiga dari kiri) menunjukkan replika cek tajaan korporat van bernilai RM80,000 daripada wakil Pasar raya GAMA di sini baru-baru ini.

Dalam saingan musim ini, Pulau Pinang yang dibimbing K. Devan menamatkan saingan Liga Perdana di tempat ketiga di belakang PDRM dan FELDA United serta tersingkir awal dalam kempen Piala Malaysia dan Piala FA.

Sebelum itu, menurut Guan Eng, kesungguhan FAP memburu kelayakan ke Liga Super diharap dapat menarik minat lebih banyak pihak untuk menaja pasukan bola sepak negeri.

"Tajaan oleh Kerajaan Negeri dapat diteruskan pada tahun depan, tetapi, berdasarkan kepada prestasi," jelas beliau.

Pada majlis sama, Guan Eng dan Nazir Ariff menerima tajaan korporat berupa van bernilai RM80,000 daripada Pengerusi pasar raya GAMA, Andrew Lim.

## *Cycle For Hearts* beramal bantu pesakit jantung

Oleh: **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **SHUM JIAN WEI**

**GEORGE TOWN –** Bagi mengumpul dana membantu golongan kurang mampu yang menghidap penyakit jantung di sini, Hospital Adventist Pulau Pinang bersama pertubuhan bukan kerajaan (NGO), Mended Hearts Pulau Pinang tampil mengambil inisiatif menganjurkan program kayuhan basikal amal, *Cycle For Hearts* di sini baru-baru ini.



CHONG ENG (berbaju kuning, memegang bendera Pulau Pinang) melepaskan para peserta *Cycle For Hearts* sempena sambutan Hari Jantung Sedunia di Lebuh Pantai baru-baru ini.

Dalam pada itu, program diadakan bersempena sambutan Hari Jantung Sedunia tersebut juga bertujuan meningkatkan kefahaman dan kesedaran masyarakat setempat tentang kepentingan menjaga kesihatan jantung.

Exco Belia & Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti, Chong Eng berkata, inisiatif kayuhan amal tersebut adalah bagi membantu membentuk dan mewujudkan masyarakat penyayang.

"Menakjubkan! Ia sudah menjadi budaya masyarakat kita yang sentiasa bersedia untuk menghulurkan bantuan kepada golongan memerlukan yang mana ia adalah sejajar dengan matlamat dan paradigma Pulau Pinang.

"Kita berazam untuk membentuk masyarakat penyayang yang mana setiap warganegara diberikan peluang untuk menikmati kemudahan kesihatan tanpa mengira jurang kekayaan.

"Oleh itu, salah satu inisiatif Kerajaan Negeri menjelang tahun 2023 ialah membantu membangun dan menubuhkan lebih banyak hospital serta hospis amal tanpa laba," ujarnya ketika selesai upacara melepaskan para peserta program *Cycle For Hearts* di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Ketua Pegawai Operasi Hospital Adventist Pulau Pinang, Dr. Wesley Toh dan Pengerusi Mended Hearts Pulau Pinang, Dr. Yen Ang.

Mengikut rekod, setiap tahun sekitar 17 juta individu meninggal dunia akibat penyakit jantung dan angka berkenaan semakin meningkat saban tahun.

Tambah Chong Eng, berdasarkan laporan pakar kesihatan, kematian berpunca daripada penyakit jantung boleh dikawal dan dihindari dengan memperbanyakkan aktiviti riadah serta senaman.

"Aktiviti bersenam menyihatkan dan dapat mengurangkan risiko penyakit kardiovaskular atau penyakit berkaitan.

"Senaman dan riadah membantu merendahkan paras kolesterol dan memperbaiki tahap kesihatan seseorang secara keseluruhannya," ujar beliau.

## Peka persekitaran, bantu perangi jenayah pemerdagangan manusia

Teks & Gambar: **AINUL WARDAH SOHILLI**

**GEORGE TOWN –** Perlindungan *(Protection)*, Pendakwaan *(Prosecution)*, Pencegahan *(Prevention)* dan Perkongsian *(Partnership)* atau ringkasnya 4P menjadi 'senjata' penting dalam memerangi jenayah pemerdagangan manusia serta penyeludupan migran di negara ini.




**SALAH seorang jawatankuasa penganjur menunjukkan sepanduk mempamerkan maklumat mengenai jenayah pemerdagangan manusia pada penganjuran kempennya di sini baru-baru ini.**

Exco Belia dan Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti, Chong Eng berkata demikian ketika merasmikan Kempen Pulau Pinang Banteras Pemerdangangan Orang di sini baru-baru ini.

Jelas beliau, aktiviti pemerdagangan manusia merupakan antara jenayah tertua sejak wujudnya sistem hierarki sehingga menjadi industri yang memberi pulangan lumayan.

"Pemerdagangan manusia tidak semestinya seseorang mangsa merentasi sempadan sesebuah negara, tetapi boleh juga berlaku secara domestik dan melibatkan komuniti buruh paksa.

"Malah, ia juga tidak semestinya melibatkan pekerja asing, tetapi boleh juga melibatkan pekerja tempatan yang dieksploitasikan majikan sehingga menjadi buruh paksa," ujarnya pada majlis berkenaan di sini baru-baru ini.

Kempen Pulau Pinang Banteras Pemerdagangan Orang yang diadakan selama dua hari tersebut turut merangkumi beberapa siri taklimat serta perkongsian pengalaman dan melibatkan pameran bertajuk '*Home*' oleh dua wartawan yang membuat dokumentari berkaitan pemerdagangan manusia iaitu, KG Krishnan dan Beatrice Leong.

Turut sama, Pengerusi National Council of Women's Organisations (Cawangan Pulau Pinang), Yeap Meng Chee, wakil-wakil dari Kedutaan Amerika Syarikat dan sukarelawan tempatan serta antarabangsa yang terlibat secara langsung dalam usaha menghentikan jenayah pemerdagangan manusia.

Menurut Chong Eng, perangkaan memperlihatkan kira-kira 2.7 juta manusia diseludup di seluruh dunia saban tahun dengan 80 peratus daripadanya adalah melibatkan kaum wanita dan kanak-kanak.

"Setiap hari, wanita dan kanak-kanak termasuk kaum lelaki dijual beli seperti barang dagangan dengan matlamat akhir memperoleh keuntungan.

"Ia melibatkan operasi terancang seperti pengangkutan, pemindahan, penyediaan dan bermacam bentuk eksploitasi sama ada dalam bentuk seksual, kerjaya atau perkhidmatan paksa, perhambaan atau apa-apa aktiviti menyalahi undang-undang," tambah beliau.

Sehubungan itu, Chong Eng menyeru rakyat Pulau Pinang agar peka dengan persekitaran dalam usaha membantu memerangi dan membanteras jenayah tersebut dengan melaporkannya kepada pihak berkuasa.

Oleh: **YAP LEE YING**
Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

# Pisau menoreh semai prinsip tak makan gaji Abdullah

**KEJAYAAN** menghasilkan pisau menoreh pada usia 19 tahun mendorong Abdullah Ismail, 49, untuk terus berkecimpung di dalam bidang perusahaan besi yang jarang sekali diusahakan golongan Bumiputera.

Malah, kemahiran yang diasah sedikit demi sedikit akhirnya membuahkan hasil apabila beliau muncul sebagai pembekal tunggal produk-produk barangan pertanian berasaskan besi di Tasek Gelugor, Seberang Perai Utara kini.

Selain pisau menoreh, turut dihasilkan beliau yang kini telah dikurniakan 13 cucu adalah 17 jenis pisau untuk lain-lain kegunaan seperti memotong sayur, daging dan rumput.

Turut dihasilkan adalah produk unik dan memperoleh permintaan tinggi, kacip pinang.

"Walaupun di zaman moden, kacip pinang masih mempunyai pasaran tinggi.

"Secara purata, sebanyak 30 kacip pinang dijual setiap hari. Setiap tempahan diterima adalah berjumlah 300 hingga 400 kacip," katanya ketika ditemui di bengkel yang juga kediaman beliau di Kampung Air Melintang Kecil, Tasek Gelugor baru-baru ini.

Memiliki sebuah premis di Kompleks Dato' Kailan, Kepala Batas sejak sembilan tahun lalu, produk yang dijual adalah dihasilkan oleh Abdullah sendiri.

"Tidak bahaya, tak pernah cedera. Cuma panas sahaja," jawab Abdullah ringkas ketika ditanya mengenai aspek keselamatan bidang diceburi.

Malah, beliau turut memaklumkan bahawa bidang pertukangan besi lazimnya tiada persaingan dan memang tidak menang tangan memenuhi permintaan sedia ada.

Ketika diminta bercerita mengenai pembabitan awalnya, Abdullah menyatakan bahawa ia adalah ekoran minat beliau menghasilkan produk pisau sejak kecil.

"Sejak kecil, memang saya minat benda-benda pertanian dan sering terfikir macam mana ia terbentuk.

"Lepas sekolah, saya kerja dengan bapa saudara. Dia buat pisau potong getah, saya tengok dia buat dan lama-lama jadi pandai dengan sendiri," jelasnya.

Mengulas lanjut, Abdullah memberitahu, pada usia 21 tahun, beliau mengambil inisiatif menghasilkan peralatan-peralatan terbabit dan tanpa dijangka, beliau berjaya pada cubaan sulung.

"Ini (kejayaan) membuat saya tak nak buat kerja lain, nak asyik buat kerja ni saja, tak nak makan gaji!" tegasnya berpegang kepada pendirian beliau.

Sebelum mempunyai modal mencukupi untuk membuka premis milik sendiri, Abdullah menjual peralatan-peralatan yang dihasilkan di pasar-pasar malam sekitar sini.


ABDULLAH Ismail menggunakan mesin mengetuk besi untuk membentuk sabit.

Atas sifat rajin dan sabar beliau, Abdullah kini agak berpuas hati dengan pencapaiannya kini.

Berkongsi dengan Buletin Mutiara mengenai proses pembentukan sesebuah produk, Abdullah memberitahu bahawa daripada besi mentah yang diperoleh dari kedai besi, ia kemudian diketuk mengikut bentuk yang diperlukan.

"Proses pembakaran akan melembutkan besi yang ingin dibentuk dan setelah siap dibentuk, pisau akan diasah menjadi tajam," katanya yang mana pasaran produknya kini turut memasuki negeri Kedah, Perak dan Perlis.

Beliau menambah, terdapat dua jenis besi di pasaran iaitu besi baja dan besi biasa.

"Besi biasa adalah lebih liat bila dibentuk dan tak tajam. Orang biasa memang tidak tahu membezakan dua-dua ini,'' ujarnya.

Sedang asyik skuad Jalan-jalan Buletin Mutiara memerhatikan percikan api hasil proses pembakaran besi, Abdullah menyatakan bahawa perancangan masa depan beliau adalah untuk menambah jumlah mesin mengetuk besi sedia ada.

"Kos mesin ketuk besi adalah RM17,000 sebuah, jika ada satu lagi, produk lebih dapat dihasilkan, itu matlamat saya," ujarnya sambil tersenyum.


SEBILAH pisau yang baru siap dibakar.



KACIP pinang dan sabit yang telah dibentuk.

**INFO :**
**016 – 417 5776**

# Susah tak putus asa di Universiti Zagaziq - Nor Adilla

**HASRAT** arwah ibu untuk melihat salah seorang anak menjadi doktor perubatan merupakan sumbu yang membakar semangat beliau hingga kini.

Berbekalkan keputusan cemerlang dalam Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), bekas murid Sekolah Menengah Sains Tun Syed Sheikh Shahabudin (SMSTSSS) nekad melanjutkan pengajian ke Universiti Zagaziq dekat Mesir.

Semasa itu, beliau masih tiada tajaan atau biasiswa, serta mengharapkan bantuan pendidikan pihak berwajib dengan menggunakan keputusan peperiksaan tahun satu universiti berkenaan semata-mata.

Malah, dalam wawancara bersama-sama wartawan akhbar Buletin Mutiara, **ZAINULFAQAR YAACOB** pun, Nor Adilla Md. Yusop yang juga mahasiswi perubatan tahun kelima di universiti berkenaan memberitahu bahawa arwah ibunya hanya membayar yuran tahun pertama sahaja.

"Yuran tahun pertama bidang perubatan di Universiti Zagaziq, Mesir berjumlah USD2,000 sahaja yang sempurna dibayar arwah ibu saya.

"Apabila transkrip keputusan peperiksaan tak boleh dikeluarkan oleh universiti sebab saya tak bayar yuran, maka, tak dapatlah beberapa tajaan atau bantuan pendidikan yang saya pohon dengan menggunakan transkrip" ujar Nor Adilla baru-baru ini.

Nor Adilla merupakan anak kedua daripada tujuh beradik. Empat adik-beradiknya masih bersekolah.

Ayahnya, pencen jaga. Mereka sekeluarga serta nenek yang kian uzur kini tinggal di Flat Taman Teluk Indah dekat Seberang Jaya.

Menurut Nor Adilla, pencen ayahnya tidak cukup untuk menanggung kos hidup sekeluarga, jauh lagi lah untuk menyara kos belajar beliau di Mesir.

Walaupun ayahnya menerima sumbangan warga emas berjumlah RM300 tiap-tiap bulan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), sumber pendapatan itu masih tidak cukup.

Bekalan elektrik dipotong kerana bil tertunggak adalah perkara biasa, hingga adik lelaki sulung Nor Adilla mengambil keputusan untuk bekerja sambilan demi mengurangkan beban hidup sekeluarga.

"Kalau fikir-fikir balik, memang nak balik ke Malaysia (berhenti belajar) sebab nak kerja bantu sara hidup keluarga.

"Keluarga terdekat pun banyak nasihat saya sendiri untuk berhenti belajar, tetapi, arwah ibu selalu menasihat nak tengok salah seorang anaknya boleh jadi doktor," jelasnya.

**Niaga Demi Sara Hidup**

Nor Adilla akan masuk tahun kelima selepas musim cuti universiti tidak lama lagi.

Dalam tempoh empat tahun lepas, percaya tidak percaya, Nor Adilla berniaga makanan secara kecil-kecilan untuk sara hidup sendiri, sungguhpun dihambat dengan jadual kuliah perubatan yang agak ketat.

Tambah beliau, sumbangan perseorangan dan bantuan pendidikan zakat yang diterimanya saban tahun pun masih tidak cukup untuk tanggung kos sara hidup dan yuran pengajian.

"Yuran tahun-tahun berikutnya berjumlah USD8,000 tidak pernah sempurna dibayar.

"Sebenarnya, zakat yang diterima orang tertentu pun tidak cukup kerana minimum untuk keperluan hidup di sini sekurang-kurangnya RM450 (Ringgit Malaysia) sebulan.

"Kuliah pada tahun satu hingga tahun empat tidak sibuk, jadi, saya mencuri masa membuat kraftangan mencari sumber pendapatan untuk makan dan minum.

"Saya menjual makan seperti bihun goreng dan laksa pada hari Sabtu dan Ahad untuk mencari duit lebih bagi membiayai diri di sini," jelas beliau.

**Cekal Depani Cabaran**

Enam setengah tahun sekurang-kurangnya untuk melengkapkan pengajian bidang perubatan di Universiti Zagaziq.

Nor Adilla berkata, beliau sendiri tidak tahu sama ada dibenarkan mengikuti kuliah perubatan untuk tahun kelima di universiti berkenaan atau tidak, disebabkan isu yuran tertunggak itu.

"Banyak kawan-kawan sebaya anak kelahiran Pulau Pinang mengambil keputusan untuk menangguhkan pengajian pada tahun dua lagi serta pulang ke tanah air kerana tiada bantuan pengajian daripada pihak berwajib.

"Tetapi, saya gagahi sampai ke tahun empat dengan berunding untuk masuk dewan kuliah dan peperiksaan walaupun beberapa kali dihalang pentadbiran Universiti atas alasan tidak sempurna membayar yuran pengajian.

"(Masuk) Tahun Lima, jadual kuliah lebih sibuk...masa untuk saya membuat kraftangan dan menjual makanan pada hari cuti mungkin lebih terbatas.



NOR Adilla Md. Yusop.

"Pentadbiran Universiti dimaklumkan tidak mahu mengeluarkan surat perakuan saya berlajar di sini untuk urusan visa, menyebabkan keadaan pengajian akan lebih menghimpit.

"Ini kerana, untuk meneruskan pengajian menggunakan visa pelancongan memerlukan RM150 (Ringgit Malaysia) setiap dua bulan," katanya.

Implisitnya, masalah-masalah berbangkit itu mengakibatkan Nor Adilla pernah tidak dapat menuntut bantuan pendidikan RM12,500 tiap-tiap tahun dalam tempoh tiga tahun lepas daripada Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) disebabkan kegagalan mengemukakan transkrip keputusan peperiksaan kepada Bahagian Pendidikan bagi Jabatan Agama Islam Pulau Pinang (JAIPP),

"Apabila transkrip keputusan tak boleh dikeluarkan oleh universiti sebab saya tak bayar yuran, maka, permohonan bantuan pendidikan tidak dapat diproses Majlis Agama Islam semasa itu," jelas beliau.

Bagaimanapun, Nor Adilla melahirkan rasa syukur kerana pengkisahan belajar di Universiti Zagaziq di portal berita *The Malaysian Insider* (TMI) baru-baru ini akhirnya mengamit perhatian Yang di-Pertua MAINPP, Datuk Mohd. Salleh Man.

Mohd. Salleh yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Permatang Pasir baru-baru ini menyerahkan cek bantuan pendidikan tertunggak berjumlah RM37,500 untuk tiga tahun pengajian, yang seharusnya diterima oleh Nor Adilla.

Timbalan Yang di-Pertua MAINPP, Datuk Abdullah Halim Hussain dan Ustaz Rosli Othman (wakil JAIPP).

"Walaupun jumlah bantuan pendidikan ini tidak cukup untuk membayar kesemua yuran tertunggak serta (baki) satu setengah tahun pengajian lagi, saya berharap bantuan pendidikan akan memudahkan proses saya nak ke tahun 5 nanti," katanya.

**Harapan**

Nor Adilla berharap pihak berwajib seperti pengurusan Biasiswa JPA dan Perbadanan Tabung Pinjaman Pendidikan Tinggi (PTPTN) perlu cakna mengenai keperluan dana untuk kebajikan bakat di luar negara, seperti mahasiswa di tanah air ini.

"Arwah ibu saya turut pernah memohon biasiswa dari JPA, tetapi, ditolak mentah-mentah atas alasan tiada penjamin (daripada pegawai kerajaan) agar saya membayar balik kesemua hutang pengajian tersebut kelak.

"Selama ini, pemberian dana daripada Perbadanan Tabung Pengajian Tinggi Negara (PTPTN) dan biasiswa JPA kepada mahasiswa dalam negara pun bukan ada jaminan daripada mahasiswa sendiri pun.

"Kadang-kadang terdetik tak cukup seseorang itu perlu berbakat untuk berjaya, melainkan perlu datang daripada keluarga yang kaya kerana kemiskinan mereka seakan tidak mendapat perhatian daripada semua pihak berwajib berkenaan.

"Namun, arwah ibu selalu berpesan, 'nak berjaya perlu berusaha dan jangan terlalu bergantung dengan sesiapa'."

"Inilah realiti mahasiswa bidang perubatan di Universiti Zagaziq tanpa dana pengajian... bukan saya seorang sahaja, ramai lagi putus asa dan pulang kerana masalah tiada dana pengajian yang cukup.

"Bagi saya, pihak berwajib termasuk Kementerian Pengajian Tinggi sendiri perlukan suatu polisi pendidikan untuk mahasiswa di luar negara, agar hak mereka tidak diabaikan.

"Tak cukup pihak berwajib menyediakan borang permohonan biasiswa dan zakat kerana sistem itu kaku serta tidak boleh membawa masalah berbangkit mahasiswa seperti saya.

"Perlu ada sistem temu duga berwajib, supaya orang seperti saya boleh membangkitkan masalah sebenar, seperti saya tidak mampu mengemukakan transkrip peperiksaan untuk mendapatkan bantuan pendidikan kerana transkrip peperiksaan saya disekat pentadbiran Universiti Zagaziq atas sebab saya gagal melangsaikan yuran pengajian tertunggak," ujar beliau.

Nor Adilla berkata, benarlah pepatah 'Hujan emas di negara orang, hujan batu di negara sendiri. Lebih baik hujan batu di negara sendiri'.



NOR Adillah Md. Yusop (paling kiri) menerima serahan bantuan pendidikan zakat berjumlah RM37,500 daripada Mohd. Salleh Man (dua dari kiri) di sini baru-baru ini.

# Tindakan tegas ke arah laluan mesra pejalan kaki

Oleh: **NORSHAHIDA YUSOFF**

**GEORGE TOWN –** Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) bakal menjalankan operasi dan mengambil tindakan tegas bagi mendidik pemilik premis yang didapati terus menggunakan laluan pejalan kaki sebagai hak persendirian dengan mempamerkan produk perniagaan masing-masing di sini.

Ahli Majlis MPPP, Dr. Tan Kim Hooi merangkap Pengerusi Jawatankuasa Kerja Pendidikan Awam pihak berkuasa tempatan (PBT) terbabit berkata, Program Pendidikan Awam Laluan Mesra Tanpa Halangan Untuk Pejalan Kaki mula diperkenalkan sejak Oktober lalu dan bakal dijalankan dalam tempoh percubaan selama tiga bulan.

"Dalam tempoh percubaan ini, notis akan diberikan kepada mereka (pemilik premis) yang didapati meletakkan barangan di luar premis hingga menghalang laluan pejalan kaki dan diikuti dengan surat amaran jika masih ingkar.

"MPPP berharap program pendidikan awam ini sedikit-sebanyak dapat menjamin dan memelihara keselesaan dan keselamatan pejalan kaki awam dan pelancong yang menggunakan kaki lima di negeri ini," ujarnya pada sidang media di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Ahli Majlis MPPP, Nur Zarina Zakaria, Mhd. Nasir Zakaria dan Pengarah Penguatkuasa MPPP, Shalehudin Hashim.

Menurut Kim Hooi, ramai peniaga di sekitar bandar ini menggunakan laluan pejalan kaki sebagai ruangan milik peribadi dengan meletak atau mempamerkan barangan perniagaan mereka.

"Mereka sewenang-wenangnya meletakkan pelbagai barang termasuk barangan perniagaan hingga menghalang pejalan kaki daripada menggunakan ruang khas tersebut.

"Ini merupakan satu kesalahan. Jika didapati bersalah, mereka (peniaga) boleh didakwa mengikut Seksyen 46 (1) Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 dan boleh didenda maksimum RM500.

"Bermula awal Januari tahun hadapan, kita akan mulakan langkah lebih drastik selepas tempoh pendidikan awam ini tamat iaitu dengan mengeluarkan saman kepada mereka (peniaga) yang masih ingkar dengan notis serta amaran yang diberikan," tegas beliau.




**DR. Tan Kim Hooi (tengah) memberi penerangan terperinci berhubung kesalahan halangan laluan pejalan kaki sempena Program Pendidikan Awam Laluan Mesra Tanpa Halangan Untuk Pejalan Kaki oleh MPPP di sini baru-baru ini.**



**AKSI Maimunah Mohd. Sharif (depan, kanan sekali) dan Dr. Norlela Ariffin (depan, kiri sekali) selepas menyempurnakan balingan pada penganjuran Sukan Ria Boling MPSP di sini baru-baru ini.**

## Sukan Ria Boling rai Hari Jadi Ke-76 TYT

**SEBERANG JAYA –** Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) baru-baru ini menganjurkan Sukan Ria Boling membabitkan kakitangan pihak berkuasa tempatan (PBT) berkenaan sempena sambutan Hari Jadi Ke-76 Yang Di-Pertua Negeri Pulau Pinang, Tuan Yang Terutama (TYT), Tun Dr. Abdul Rahman Abbas.

Isteri TYT, Toh Puan Seri Majimor Shariff turut serta dalam keraian dekat *Mega Lanes Bowling* di pasar raya Megamall Pinang di sini.

Exco Belia & Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Chong Eng, Dr. Norlela Ariffin (Ahli Dewan Undangan Negeri, ADUN Penanti), Datuk Maimunah Mohd. Sharif (Yang di-Pertua, YDP MPSP) serta Jusni Ismail (Pegawai Daerah Seberang Perai Tengah, SPT) turut serta dalam majlis tersebut.

Setiausaha MPSP, Sr. Rozali Mohamud dan hampir semua Ahli Majlis bagi MPSP turut menyertai program riadah yang majlis perasmiannya disempurnakan Abdul Rahman menerusi balingan beliau.

Maimunah dalam kenyataannya merakamkan penghargaan kepada Abdul Rahman dan isteri kerana meluangkan masa menyertai sukan ria boling terbabit.

## Derma darah MPSP demi pesakit Thalassaemia

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**

**SEBERANG JAYA –** Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) mempertimbang syor mengadakan program derma darah secara berkala kelak demi membantu memenuhi keperluan lebih 250 pesakit thalassaemia berdaftar di Hospital Seberang Jaya, kata Yang di-Pertuanya, Datuk Maimunah Mohd. Sharif di sini baru-baru ini.

"Kita menerima permohonan Pertubuhan Thalassaemia Pulau Pinang untuk mengadakan kempen derma darah dengan warga MPSP kerana di Hospital Seberang Jaya sahaja, terdapat lebih 250 pesakit berdaftar.

"Kempen derma darah selalu diadakan bersama MPSP, tetapi, ini kali pertama (kempen derma darah) untuk sokongan kepada pesakit thalassaemia.

"Kalau tiada masalah logistik pekerja pada hari ini, kita pertimbang untuk anjur lagi," ujarnya di Auditorium Kompleks Ibu Pejabat MPSP Bandar Perda di sini baru-baru ini.

Penolong Pegawai Penerangan Unit Tabung Darah Hospital Seberang Jaya, Siti Nor Asikin Haria turut berucap pada majlis tersebut.

Hadir sama, Pentadbir Pertubuhan Thalassaemia Pulau Pinang, Lily Boey serta beberapa Ahli Majlis MPSP, antaranya, Rezal Huzairi Md. Zaki, Ahmad Tarmizi Abdullah, Mohamad Shaipol Ismail, H'ng Mooi Lye, Mohd. Rizal Abdul Hamid, Tan Chee Teong, Tan Chong Hee dan Zuklifli Ibrahim.

Menurut Maimunah, lebih 200 warga MPSP yang rata-rata pekerja am kontrak hadir untuk menyertai derma darah seawal jam 10 pagi.

Bercakap pada sidang media sama, Lily memberitahu, pertubuhannya menganggarkan bilangan pesakit thalassaemia di Seberang Jaya lebih dari angka 250 yang direkodkan Kerajaan Negeri.

"Kita yakin bilangan pesakit thalassaemia lebih dari angka itu (250 orang) kerana masih ramai yang tidak berdaftar dengan kami atau pihak Hospital Seberang Jaya, dan tidak juga mendapatkan rawatan lanjut di hospital swasta yang sudah tentu mahal kosnya," ujar beliau.

Thalassaemia merupakan penyakit genetik diwarisi oleh keluarga kepada anak dalam bentuk kecacatan gen yang menyebabkan pesakit tidak dapat menghasilkan hemoglobin mencukupi dalam darah mereka.



**MAIMUNAH Mohd. Sharif (depan, kiri sekali) saling berinteraksi dengan salah seorang warga MPSP yang menyertai Kempen Derma Darah Untuk Pesakit Thalassaemia Berdaftar di sini baru-baru ini.**

# Rakaman video sangkal dakwaan peniaga OKU dikasari



ONG Ah Teong (kiri) bersama-sama salah seorang penguatkuasa menunjukkan rakaman video bagi menyangkal dakwaan seorang peniaga pada sidang media di sini baru-baru ini.

Oleh: **NORSHAHIDA YUSOFF**

**GEORGE TOWN –** Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) menyangkal dakwaan bahawa pegawainya telah mengasari dan membuli dua penjual tanpa lesen dengan salah seorang daripadanya adalah orang kurang upaya (OKU) semasa menjalankan operasi penguatkuasaan bulan lalu di sini.

Pada masa sama, MPPP turut menyangkal dakwaan yang turut menyatakan bahawa pihak berkuasa tempatan (PBT) terbabit juga merampas 200 barangan milik OKU berkenaan dan hanya mengembalikan sejumlah 108 barangan dalam keadaan rosak.

Ahli Majlis MPPP, Ong Ah Teong menegaskan bahawa semua barangan yang dirampas masih dalam simpanan MPPP.

"Ini merupakan satu kenyataan dan tuduhan palsu dan tidak bertanggungjawab.

"Butiran terperinci barangan yang dirampas masih dalam simpanan kita (MPPP), malah tiada sebarang pembayaran dibuat untuk menuntut semula barangan-barangan tersebut.

"MPPP memberi jaminan bahawa para pegawai bertugas sama sekali tidak mengasari penjual tersebut secara lisan, sebaliknya, semasa kejadian, mereka (penguatkuasa MPPP) memberi masa dan membenarkan beliau (penjual OKU) serta pembantunya memuatkan kembali kebanyakan barang perniagaan ke dalam van milik mereka," jelasnya pada sidang media berhubung dakwaan berkenaan di sini baru-baru ini.

Pada 26 September lalu, Nasib Presiden Persatuan Hindu Pulau Pinang, M. Murugiah bersama-sama dengan salah seorang peniaga (OKU) dikenali, G. Munisvaran yang didakwa dibuli pihak penguatkuasa telah mengadakan sidang media bagi menyelar tindakan MPPP.

Pada sidang media berkaitan, MPPP didakwa merampas 200 barangan milik Munisvaran dan hanya 108 barangan dikembalikan dalam keadaan rosak.

Mengulas lanjut, Ah Teong kemudian menunjukkan rakaman video operasi penguatkuasaan bagi membuktikan kenyataan beliau dan menyangkal dakwaan terhadap MPPP.

Menurut beliau, mengikut rekod, perniagaan di Solok Sungai Pinang yang dimilki Munisvaran tidak mempunyai lesen.

"Kita banyak menerima aduan daripada penduduk sekitar berhubung perniagaan tanpa lesen yang dijalankan hingga menyebabkan kesesakan.

"Kami memahami keadaan beliau sebagai seorang OKU, tetapi, undang-undang tidak boleh didiskriminasi. Harap beliau berniaga secara sah dengan memohon lesen pada masa depan," tegas Ah Teong.

## PBT patut ada hak urus pengangkutan awam – Ahli Majlis

**SEBERANG JAYA –** Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) sepatutnya mempunyai hak untuk menguruskan pengangkutan awam di Seberang Perai seperti dulu, kata Ahli Majlisnya, M. Satees.

Menurut beliau, dasar sentralisasi atau pemusatan kuasa yang diamalkan oleh Kerajaan Pusat dalam beberapa dekad ini telah mengakibatkan pihak berkuasa tempatan (PBT) tidak lebih sebagai badan pengurus dengan kuasa terhad sahaja di negeri ini.

Justeru, tambahnya, sentralisasi mengakibatkan Kerajaan Negeri hari ini dihalang untuk mewujudkan sistem pengangkutan awam secara percuma melalui MPSP dan Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) demi menangani masalah kesesakan trafik di sini.

"Malaysia memang ada sejarah di mana, Kerajaan Tempatan mempunyai kata putus dalam perkara penting seperti pengangkutan awam.

"Sebagai contoh, satu masa dulu *Penang Island Municipal Council* (MPPP) pernah mengoperasi perkhidmatan trem dan basnya sendiri.

"Dalam beberapa dekad yang lalu, kuasa tersebut, satu persatu telah diambil alih daripada Kerajan Tempatan dan Kerajaan Tempatan ditinggalkan untuk mengurus sampah sebagai *core businessnya*," ujarnya pada sesi penggulungan Mesyuarat Penuh Majlis di Kompleks Ibu Pejabat MPSP dekat Bandar Perda di sini baru-baru ini.

Terdahulu, Ketua Menteri Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng pada dua tahun lepas pernah berhasrat untuk mewujudkan pengangkutan bas awam secara percuma di seluruh negeri ini, namun, tidak mendapat kebenaran daripada Kerajaan Pusat hingga kini.

Ekoran itu, Guan Eng yang juga Ahli Parlimen Bagan mengemukakan hasrat untuk membina tiga pintasan lebuh raya dan terowong bawah dasar laut secara tender terbuka bernilai RM6.3 bilion.

Dalam perkembangan berkaitan, Kerajaan Negeri sejak tahun 2008 lagi mencadangkan amalan desentralisasi atau pengasingan kuasa yang lebih sihat membabitkan peringkat federal, Kerajaan Negeri dan PBT supaya program pemajuan pro rakyat lebih mudah dimajukan di Pulau Pinang.

## MPSP tawar 82 perkhidmatan di kaunter gerak berpusat - YDP



MAIMUNAH Mohd. Shariff (enam dari kanan) bersama-sama kepemimpinan MPSP bergambar dengan kaunter kutipan cukai bergerak di perkarangan lobi Kompleks Ibu Pejabat MPSP Bandar Perda di sini baru-baru ini.

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**

**SEBERANG JAYA –** Yang di-Pertua (YDP) Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Datuk Maimunah Mohd. Sharif berharap pelancaran kaunter gerak berpusat yang menawarkan 82 jenis perkhidmatan mampu meningkatkan lagi mutu pelanggan termasuk untuk orang kurang upaya (OKU).

"Ia berkonsepkan kaunter berpusat dengan 82 jenis perkhidmatan disediakan seperti kategori pertama, menerima dan memproses bayaran cukai pintu, bil-bil utiliti, sewaan harta majlis dan lain-lain bayaran.

"(Kategori) kedua, pelbagai perkhidmatan lain seperti permohonan lesen-lesen peniagaan, permit-permit perkhidmatan, perkataan nama hak milik harta berkadar, aduan-aduan awam dan sebagainya, demi meningkatkan lagi mutu pelanggan," ujarnya dekat Kompleks Ibu pejabat MPSP Bandar Perda di sini baru-baru ini.

Setiausaha MPSP, Sr. Rozali Mohamud dan tiga Ahli Majlis, Tan Cheong Heng, Rezal Huzairi Md. Zaki dan Ahmad Kaswan Kassim turut hadir pada sidang media tersebut.

Maimunah memberitahu, jadual utama operasi kaunter bergerak pada Sabtu dan Ahad minggu kedua tiap-tiap bulan masing-masing adalah di Pasar Awam Taman Chai Leng dan Pasar Awam Bagan Ajam.

Manakala, operasi pada Sabtu dan Ahad minggu ketiga tiap-tiap bulan masing-masing adalah di Pasar Awam Nibong Tebal dan Pasar Awam Kepala Batas.

Tambah Maimunah, kenderaan kaunter gerak berpusat yang baru dibeli tersebut berharga RM271,550.

Pada bulan November 2010, Maimunah memberitahu, sebuah bas telah diubahsuai menjadi kaunter bergerak di bawah Program Transformasi MPSP.

Sehingga bulan Ogos lepas, tambahnya, melalui kaunter bergerak yang lama tersebut telahpun berjaya mengutip hasil keseluruhannya berjumlah RM5.25 juta.

"Sejajar itu, dalam memberi perkhidmatan *delighting the customer,* belian kaunter bergerak yang baru ini telahpun dibuat bagi memastikan kenderaan yang lebih kondusif termasuk untuk pelanggan OKU demi meningkatkan mutu kutipan hasil serta operasi lebih 80 jenis perkhidmatan," ujar beliau.

# Naiktaraf lif, siap awal 2015

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar **: ALISSALA THIAN**



SALAH seorang penduduk memeluk Jagdeep Singh Deo (kanan sekali) di atas inisiatif beliau menyelesaikan masalah operasi lif di Flat Taman Free School di sini baru-baru ini.



SALAH sebuah blok Flat Taman Free School terbabit.

**DATUK KERAMAT –** Hasil inisiatif Kerajaan Negeri, Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) bersama Badan Pengurusan Bersama (JMB) Flat Taman Free School bersetuju menaiktaraf lif membabitkan tiga blok 11 tingkat iaitu Blok L, M dan N di sini.

Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo berkata, kerja-kerja naiktaraf dan pembukaan lif bakal mengambil tempoh masa dua bulan setengah dan ia dijangka beroperasi sepenuhnya menjelang awal tahun hadapan dengan kos RM318,000.

"Persetujuan tersebut adalah hasil tinjauan pihak berkuasa tempatan (PBT) berkaitan berhubung masalah berbangkit.

"Selain menaiktaraf, penduduk di sini juga meminta Kerajaan Negeri supaya memastikan lif yang beroperasi di setiap tingkat yang mana kini, ia (lif) hanya akan berhenti di setiap dua tingkat bermula dari tingkat 1.

"Secara tidak langsung, sistem operasi tersebut menyukarkan pergerakan penduduk terutamanya warga emas dan orang kurang upaya (OKU) untuk turun naik," katanya ketika mengadakan lawatan tapak ke Blok L, M dan N Flat Taman Free School di sini baru-baru ini.

Flat Taman Free School adalah antara flat kos rendah tertua di Pulau Pinang. Dibina pada tahun 1965, setiap Blok L, M dan N mempunyai 87 unit rumah.

# Dua keluarga banjir lumpur terima bantuan bencana segera



WONG Hon Wai (kiri sekali) menyampaikan bantuan bencana kepada Joriah Ali (kanan sekali) sambil diperhatikan Zairil Khir Johari (dua dari kanan) dan Azizi Zakaria (tiga dari kanan) bagi meringankan beban keluarga terbabit ekoran kejadian banjir lumpur di Lorong Air Terjun di sini baru-baru ini.

**KEBUN BUNGA –** Nasib dua keluarga yang terlibat dalam bencana banjir lumpur di Lorong Air Terjun di sini memperoleh perhatian Kerajaan Negeri baru-baru ini.

Mangsa, Joriah Ali dan keluarga N. Kallyani menerima bantuan daripada Tabung Bencana Tuan Yang Terutama (TYT) Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang.

Bantuan tersebut disampaikan Setiausaha Politik kepada Ketua Menteri, Wong Hon Wai ketika beliau mengadakan lawatan khas ke kediaman kedua-dua mangsa.

Turut sama, Ahli Parlimen Bukit Bendera, Zairil Khir Johari, Pegawai Daerah bagi Daerah Timur Laut, Azizi Zakaria, Ahli Majlis Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP), Lee Chun Kit dan beberapa anggota pasukan Bomba dan Penyelamat .

Hon Wai ketika ditemui berkata, keluarga Joriah dan Kallyani masing-masing menerima bantuan sebanyak RM500 dan RM250 bagi membantu meringankan beban ditanggung ekoran kejadian berkenaan.

"Kedua-dua keluarga itu menerima bantuan segera memandangkan kediaman mereka paling teruk terjejas.

"Struktur rumah mereka teruk akibat ditimpa tanah runtuh dan banjir lumpur, namun tiada kemalangan jiwa atau kejadian yang tidak diingini dilaporkan," ujar Hon Wai yang turut melawat beberapa kawasan sekitar yang terjejas akibat banjir lumpur.

Dalam kejadian 3 Oktober lalu, hujan lebat yang berlarutan telah menyebabkan struktur tanah menjadi 'longgar' dan tidak dapat menampung jumlah air yang tinggi lalu mengalir sebagai lumpur di sekitar kawasan Lorong Air Terjun di sini.

# Mangsa kebakaran dapat perhatian ADUN

LIM Siew Khim (dua dari kanan) menyampaikan sumbangan kepada Nazreen Begum Zulkifli (depan, dua dari kiri) sambil mengiringi ibunya di sini baru-baru ini.



Oleh : **CHEAH JAY LOON**
Gambar : **SHUM JIAN WEI**

**SUNGAI PINANG –** "Saya berasa bersyukur dengan sumbangan ini dan berterima kasih kepada YB (Ahli Dewan Undangan Negeri, ADUN Sungai Pinang) yang menolong kami," kata mangsa kebakaran, Nazreen Begum Zulkifli, 27, ketika ditemui Buletin Mutiara di Flat Mutiara Idaman 2, Solok Tengku Jelutong di sini baru-baru ini.

Beliau berkata demikian selepas menerima bantuan sumbangan daripada ADUN berkaitan, Lim Siew Khim yang menyumbangkan RM1,000 kepadanya.

Tambah Nazreen Begum, keluarganya mengalami kerugian kira-kira RM25,000 ekoran kejadian tersebut.

"Siasatan berhubung punca kejadian masih dijalankan.

"Abang saya, Muhamad Ashraf Zulkifli, 28, yang mengalami kecederaan ekoran kejadian tersebut dirawat di Unit Rawatan Terapi (ICU), Hospital Pulau Pinang (HPP)," jelas beliau.

Dalam kejadian 2 Oktober lalu, Nazreen Begum yang ketika itu menonton televisyen terkejut apabila terdengar bunyi letupan dari bilik abangnya.

Sejurus itu, api mula merebak dan beliau bersama-sama ibunya melarikan diri untuk meminta bantuan jiran bagi menyelamatkan abang beliau yang masih terperangkap di dalam biliknya.

Dalam pada itu, Siew Khim memberitahu, sumbangan tersebut adalah daripada peruntukan beliau sebagai ADUN kawasan.

"Saya turut simpati dengan Nazreen (Nazreen Begum) dan akan membantu mereka sekeluarga mencari tempat tinggal sementara yang sesuai," ujarnya.

Turut hadir, Penghulu Parlimen Jelutong, Khalid Zakaria yang juga menyampaikan sumbangan sebanyak RM1,000 daripada Tabung Tuan Yang Terutama (TYT) dan tambahan, RM500, wakil Jabatan Kebajikan Masyarakat.

# Baiki lif rosak 4 tahun melalui HAPPY!

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **ALISSALA THIAN**

**GEORGE TOWN –** Para penghuni Pangsapuri Taman Lembah Sungai akhirnya menarik nafas lega apabila Kerajaan Negeri bersetuju membiayai 80 peratus kos pemasangan lif baharu bagi kemudahan semua pihak di sini baru-baru ini.

Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo berkata, Kerajaan Negeri membiayai RM237,600 iaitu 80 peratus daripada kos keseluruhan sebanyak RM297,000.

Manakala, selebihnya dibiayai penghuni pangsapuri tersebut iaitu RM47,600 dan RM11,800 adalah hasil sumbangan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Komtar, Teh Lai Heng.

Jelas Jagdeep, pihaknya menerima permohonan daripada Badan Pengurusan Bersama (JMB) Taman Lembah Sungai lewat tahun lalu.

"Setelah pemantauan dibuat, didapati lif di sini telah rosak sejak empat tahun lalu dan tiada usaha untuk membaikinya sehinggalah JMB baru mengambil alih tahun lalu.

"Kita (Kerajaan Negeri) prihatin dengan keluhan dan keperitan penghuni di sini, oleh itu melalui HAPPY! kita beri jaminan akan membantu penghuni rumah-rumah pangsa di sini untuk menjalani kehidupan yang lebih selesa dan selamat," katanya ketika melawat kerja-kerja penyelenggaraan dan pemasangan lif baharu di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Lai Heng, Ahli Parlimen Tanjung, Ng Wei Aik, Ahli Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Kampung Jawa serta wakil-wakil penduduk Taman Lembah Sungai.

Kerja-kerja penyelenggaraan dan pemasangan lif baharu di dua blok Pangsapuri Taman Lembah Sungai tersebut bermula sejak awal Oktober lalu dan dijangka siap sepenuhnya menjelang pertengahan Januari 2015.



**JAGDEEP Singh Deo (kiri sekali) dan Teh Lai Heng (kanan sekali) meninjau kerja-kerja penyelenggaraan dan pemasangan lif baharu di Pangsapuri Taman Lembah Sungai dekat sini baru-baru ini.**

# Taman Poket Sungai Pinang pertama bagi lahir warga sihat



**LANDSKAP Taman Poket Sungai Pinang yang dalam proses disiapkan.**

Gambar : **SHUM JIAN WEI**

**SUNGAI PINANG –** Sebagai langkah strategik bagi mengurangkan tekanan dan menggalakkan warga kota menjalankan aktiviti sihat bersama-sama keluarga, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Pinang, Lim Siew Khim mengambil inisiatif mewujudkan taman berkonsep berhampiran Jalan Sungai dekat sini baru-baru ini.

Katanya, taman poket di sini diwujudkan sebagai terapi, khususnya warga kota yang berkerjaya untuk menghilangkan tekanan dan beristirahat sambil menikmati persekitaran yang nyaman, selesa serta hijau.

"Tumpuan bukanlah semata-mata untuk mengindahkan kawasan perumahan di sini, tetapi juga untuk menggalakkan aktiviti bersukan dan sihat sejajar dengan inspirasi Kerajaan Negeri ke arah sebuah negeri yang Bersih, Hijau, Sihat dan Selamat," katanya sejurus selepas mengadakan tinjauan ke tapak projek pengindahan Taman Poket Jalan Sungai dekat sini baru-baru ini.

Turut sama, ADUN Komtar, Teh Lai Heng serta wakil-wakil dari agensi kerajaan.

Projek Taman Poket Jalan Sungai yang menelan kos RM179,200 tersebut merupakan taman (poket) pertama di sini. Terletak bersebelahan Sungai Pinang dan projek tersebut hampir 90 peratus siap kini.

Selain dilengkapi dengan alat permainan kanak-kanak, taman terbabit turut mempunyai trek larian serta kemudahan asas yang mesra pengguna dan alam sekitar.

"Kita menjangkakan akhir bulan Oktober ini, Taman Poket dibuka untuk kegunaan umum," kata Siew Khim yang berharap lebih banyak lagi konsep-konsep taman dapat diwujudkan di kawasan Sungai Pinang.

# Warga emas, ibu tunggal terima sumbangan Aidiladha



**RAMKARPAL Singh Deo (empat dari kiri) dan Azizi Zakaria (enam dari kanan) memegang plat perasmian pada Majlis Jamuan Hari Raya Aidiladha dan Mesra Rakyat JKKK Jalan Masjid Negeri di sini baru-baru ini.**

Gambar : **MARK JAMES**

**AIR ITAM–** Seramai 40 warga emas dan ibu tunggal di sini menerima sumbangan beras pada Majlis Jamuan Hari Raya Aidiladha dan Mesra Rakyat anjuran Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Itam dengan kerjasama Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Jalan Masjid Negeri di sini.

Perasmian majlis yang dimeriahkan dengan kehadiran kira-kira 250 tetamu itu disempurnakan Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Abdul Malik Abul Kassim dan Ahli Parlimen Bukit Gelugor, Ramkarpal Singh Deo.

Turut sama, Pegawai Daerah Daerah Timur Laut, Azizi Zakaria dan Ahli Majlis Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP), Dr. Tan Kim Hooi.



**SALAH seorang penerima menerima sumbangan daripada Ramkarpal Singh Deo (kiri sekali).**

Selain penduduk setempat, turut memeriahkan majlis adalah jemputan khas dari rumah-rumah kebajikan dalam kawasan Air Itam dan Jawatankuasa Qariah Masjid Negeri.

Majlis diserikan dengan persembahan qasidah oleh dua kumpulan qasidah terkenal di Pulau Pinang iaitu dari Maahad Tahfiz Tanjung Bungah dan Kumpulan Qasidah Ustaz Suhaidi.

# Peraduan Lukisan Poskad : Kreativiti Anak Penang

Contoh:




Sumber Gambar : Internet

Contoh:










Sila isi butiran berikut:

Nama : ............................................

No. My Kid/ Kad Pengenalan: ............................................

Alamat: ............................................

............................................

Nama Ibu/ Bapa/ Penjaga (untuk kategori 1):

............................................

No. Telefon : (Rumah) .................... (Bimbit) ....................

Emel: ............................................

1. Penyertaan terbuka kepada 2 kategori :- 1) 12 tahun dan ke bawah.
   2) Terbuka.
2. Bebas menggunakan sebarang jenis pewarna.
3. Saiz poskad adalah 14 cm x 19.5 cm.
4. Lukisan grafik dan adaptasi menggunakan komputer adalah tidak dibenarkan.
5. Lukisan dan idea adalah hasil ciptaan sendiri.
6. Hanya penyertaan yang menggunakan kertas jenis kad keras 100g dan ke atas sahaja diterima.
7. Tema lukisan poskad adalah 'Pulau Pinang'.
8. Setiap set penyertaan perlu mempunyai minimum 4 lukisan poskad berdasarkan tema dipilih. Semua lukisan perlu berkait antara satu sama lain.
9. Borang butiran maklumat perlu ditampal di bahagian belakang lukisan poskad utama
10. Semua karya adalah hak milik penganjur.
11. Tarikh tutup untuk semua penyertaan adalah 31 Disember 2014.
12. Alamatkan semua borang penyertaan kepada:
    Buletin Mutiara, Peraduan Lukisan Poskad : Kreativiti Anak Penang,
    Tingkat 47, Komtar, 10503 Pulau Pinang.

## Hadiah:

**( bagi setiap kategori )**

**Pertama: RM500**

**Kedua: RM300**

**Ketiga: RM150**

**5 Hadiah Saguhati**